Issues in
Language Studies

Volume 5 Number 1 (2016)

ISSUES IN LANGUAGE STUDIES

Issues in Language Studies is a publication of the Faculty of Language Studies and Communication Studies (formerly known as Centre for Language Studies), Universiti Malaysia Sarawak. The journal publishes articles on teaching, learning and the study of languages. It offers a forum for the discussion of local issues that are of global concern. It is a refereed online journal published bi-annually. Currently it is indexed by Google Scholar and the Malaysian Citation Index.

When submitting the work, contributors are requested to make a declaration that the submitted work has not been published, or is being considered for publication elsewhere. Contributors have to declare that the submitted work is their own and that copyright has not been breached in seeking the publication of the work.

Views expressed by the author(s) in the article do(es) not necessarily reflect the views of the Editorial Committee.

Articles and correspondence on editorial matters should be addressed to:

Dr Su-Hie Ting
Chief Editor
Issues in Language Studies
Faculty of Language Studies and Communication Studies
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak
Malaysia
shting@cls.unimas.my

For further details, visit www.ils.unimas.my

Notes for Contributors

Manuscripts submitted to *Issues in Language Studies* **should not exceed 7,000** words, including abstract, references, tables, figures and appendices.

Detailed guidelines:

Page 1: Title (in Cambria, Font size: 22 point), author's name (in Calibri, Font Size: 12 point) and affiliation, postal and e-mail address of each author. Please indicate corresponding author with an asterisk or superscript numbering.

Page 2: Title (in Cambria, Font size: 22 point), abstract not exceeding 200 words, 4-6 keywords. Articles not written in English should be accompanied by a title, abstract and keywords in English.

Page 3 onwards: Text in single-spacing and margins – top and bottom, left and right – should be 1.25 inches wide, Calibri Font size: 11 point.

Do not indent the first paragraph of each section. Indent the first line of subsequent paragraphs by ½ inch.

Use the three-level headings in APA style:

<div align="center">Centred Uppercase and Lowercase Heading</div>
<div align="center">*Flush Left, Italicised, Uppercase and Lowercase Side Heading*</div>
<div align="center">*Indented, Italicised, lowercase paragraph heading ending with a period*</div>

Quotations. Use double quotation marks to enclose quotations of fewer than 40 words. Within this quotation, use single quotation marks to enclose quoted material. Long quotations should be placed in a block which is indented ½ inch from the left margin.

Follow APA style for table titles and headings (placed above the table) and figures and figure captions (pl aced below the figure). Examples:

Table 1
Types of communication strategies used across age groups

Figure 1. Frequency of communication strategy use across age groups

Do not use footnotes. If notes are unavoidable, use a numeral in superscript and list notes at the end of the article, before the References.

Follow APA style (6[th] ed.) for citation and referencing, with the exception of Malay names which should be spelt in full in the text and the reference list.

Contents

AL-SHIᶜR AL-TAᶜLIMI PENYUMBANG KEPADA PERKEMBANGAN ILMU PADA ZAMAN ABBASI: KAJIAN RINGKAS TERHADAP BEBERAPA TOKOH BAHASA DI ZAMANNYA

Raihan Marzuki
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor

raihanmarzuki@yahoo.com

ABSTRAK

Dalam sejarah peradaban tamadun Arab, bermula sejak zaman Jahiliah sehinggalah ke zaman moden ini, *shiᶜr* di anggap sebagai satu cabang kesenian yang diberi keistimewaan dan kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Arab. *Shiᶜr* menjadi wadah penting kepada para penyair untuk menzahirkan perasaan dan menggambarkan kehebatan tamadun ᶜArab pada ketika itu. Pertembungan antara peradaban Arab dengan pengaruh luar dari Parsi, Yunani dan India telah membawa kepada proses perkembangan dan penyebaran ilmu yang begitu pesat. Tinjauan terhadap perkembangan *shiᶜr* pada zaman Abbasi menunjukkan bahawa telah lahirnya satu bentuk *shiᶜr* baru yang dikenali sebagai *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*. Kajian ini bertujuan untuk membuat pentakrifan terhadap *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi,* mengenalpasti faktor yang membawa kepada kemunculannya, menyenaraikan beberapa tokoh penyair yang mempelopori *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*, seterusnya menyusun dan membuat pembahagian tema yang terdapat di dalam *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dalam bidang nahu, sejarah, falsafah, ilmu falak dan sebagainya. Kajian ini turut mengenalpasti sumbangan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* terhadap perkembangan berbagai bidang ilmu pengetahuan pada zaman Abbasi. Untuk merealisasikan matlamat ini kajian kepustakaan dilakukan dengan menulusuri bahan-bahan ilmiah terutamanya kitab-kitab sejarah dan kesusasteraan Arab khususnya pada zaman Abbasi. Jelasnya, terdapat pelbagai pendapat tentang faktor kewujudan dan kemunculan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*. Kesan daripada faktor inilah yang telah menggalakkan para ilmuan Islam gigih menghasilkan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* sebagai medium menyampai dan menarik minat masyarakat terhadap ilmu pada ketika itu*.* Kemunculan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* memberi kesan secara langsung sebagai penyumbang terhadap perkembangan ilmu pengetahuan yang giat dibangunkan pada zaman Abbasi sehingga kini.

Kata kunci: *al-Shiᶜr, al-Taᶜlimi, al-Shiᶜr al-Taᶜlimi,* zaman Abbasi

EDUCATION POEMS AS A MEANS FOR THE ADVANCEMENT OF KNOWLEDGE IN THE ABBASID ERA: A BRIEF STUDY ON A FEW LANGUAGE FIGURES IN THE ERA

ABSTRACT

Through out the period of Arabic Civilization, which started from the Ancient-Jahiliyyah period until the modern period, poetry has been regarded a branch of arts that has a special and high status among the Arabs. Poetry has become a means of expressing feelings, pride and civilization. The collision between the Arabic culture and civilisation with the outside influence from Persia, Greece and India has brought about rapid development and spreading of knowledge. By observing the development of poetry during the Abbasid period, one can see the emergence of a new form of poetry known as al-Shiᶜr al-Taᶜlimi. This research aims at defining al-Shiᶜr al-Taᶜlimi, establishing the reasons leading to its emergence, identifying the leading scholars who embraced this new genre of poetry, compiling and categorising its themes accordingly. This research will further identify the contribution of this new form of poetry to the progress of knowledge during the Abbasid period. A library reasearch methodology is used to fulfil the research objectives, refering mainly to literary sources, especially those pertaining to Arabic history and literature during the Abbasid period. This study concludes that there are several views on the development of al-Shiᶜr al-Taᶜlimi which lead the scholars during that time to adopt this new form of poetry as a means to spread knowledge and to attract the masses. The al-Shiᶜr al-Taᶜlimi is seen to have a direct impact on the advancement of knowledge during the Abbasid period until the present day.

Keywords: *al-Shiᶜr, al-Shiᶜr al-Taᶜlimi, Abbasid period*

Pendahuluan

Zaman pemerintahan Kerajaan Abbasi berterusan untuk tempoh melebihi lima abad bermula 132H/750M sehingga 656H/1258M, berbanding sebelumnya diperintah oleh Kerajaan Umawiyyah yang hanya bertahan selama 91 tahun bermula 41H (Philib Hitty 1952: 375-376). Perbezaan antara kedua-dua zaman ini dapat dilihat apabila berlakunya pertembungan budaya yang lebih meluas antara masyarakat arab Abbasi dengan pengaruh asing khususnya dari Parsi, Yunani, Rom dan India. Pertembungan budaya melibatkan kepelbagaian adat resam, corak hidup dan cara pemikiran telah merancakkan proses perkembangan ilmu sehingga membawa kepada tercetusnya era kegemilangan ilmu pengetahuan pada zaman Abbasi.

Latar Belakang

Budaya menuntut ilmu dalam kalangan masyarakat telah merancakkan penyebaran ilmu pengetahuan dan membawa perubahan terhadap pemikiran dan cara hidup masyarakat Arab. Majlis perdebatan ilmu dan muzakarah yang turut disertai oleh khalifah seperti Harun Al-Rasyid, Al-Makmun dan para ilmuan seperti *Al-Kisa'i al-*

Kufi, Al-Yazidi al-Basri dan *Sibawaih* (Al-Sayuti, 1958, hlm. 183) giat dijalankan di rumah, masjid, istana dan tempat-tempat awam seperti di pasar *Suq Badiah al-Basrah* atau dikenali sebagai *Al-Marbad* (Ahmad Muhammad ᶜAliyyan, 1991, hlm. 47). Pelbagai kaedah dilakukan oleh para ilmuan agar setiap ilmu yang disampaikan dapat difahami dengan mudah. Menurut Shauqi Dhaif (1966), antara usaha yang dilakukan untuk menyebar dan menarik minat masyarakat terhadap ilmu adalah menerusi aktiviti penulisan dan penterjemahan karya sastera; samada dalam bentuk prosa atau *shiᶜr*.

Penulisan *shiᶜr* berkembang pesat pada zaman Abbasi. Osman Khalid (1986, hlm. 50) berpendapat, *shiᶜr* pada zaman Abbasi telah mencapai kemuncaknya jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya iaitu zaman Jahili, zaman awal Islam dan zaman Umawi. Hal ini menurut beliau disebabkan oleh pertembungan tamadun Arab dengan peradaban dari tamadun Rom, Parsi dan India yang dikatakan lebih maju dan terkehadapan jika dibandingkan dengan tamadun Arab pada zaman tersebut. *Shiᶜr* dalam masyarakat Arab dicipta mengikut tema, tujuan dan objektif yang berbeza bagi memenuhi keperluan tertentu. Ada yang dicipta untuk tujuan politik, menunjukkan semangat kebangsaan, kebanggaan, pujian, penghinaan, menggambarkan suasana dan keadaan, kesedihan mahupun kasih sayang (Imil Badiᶜ Yaᶜcob, 1991, hlm. 277). Selain itu, *shiᶜr* turut berperanan sebagai sumber pendapatan (Taha Hussein, 1971, hlm. 139), melambangkan kemegahan sesebuah kerajaan (Al-Asfahani 1956, hlm. 34; Ahmad Muhammad ᶜAliyyan, 1991, hlm. 134), menggambarkan kehebatan sesebuah tamadun (Ahmad Syalabi, 1970, hlm. 150) serta memberi kesan dalam perkembangkan bidang hiburan, nyanyian serta alat muzik pada zaman Abbasi (Taha Hussein, 1971, hlm. 52-53).

Namun, dari sudut perkembangan ilmu pula, *shiᶜr* turut dijadikan sebagai medium yang mampu menyebar dan menarik minat masyarakat untuk mempelajari ilmu. Hal demikian kerana *shiᶜr* lebih mudah diikuti dan senang diingati (Othman Khalid, 1986). Pandangan tersebut bertepatan dengan maksud *shiᶜr* itu sendiri. Sebagaimana yang diulas dalam *Muᶜjam al-ᶜArabi* (1988, hlm. 689) bahawa *al-shiᶜr* merupakan susunan kata-kata yang mengandungi *al-wazan* dan *al-qafiah*, dihasilkan mengikut manhaj *shiᶜr* serta mengandungi pengertian dan unsur imaginasi yang memberi kesan terhadap para pendengar. Pengkaji berpandangan 'memberi kesan' di sini membawa maksud yang lebih luas meliputi keupayaannya sebagai medium yang menarik kerana memiliki rentak dan nada yang unik hasil dari gabungan dan susunan *al-wazan* juga *al-qafiah* di dalam setiap rangkap *shiᶜr*nya. Keunikan ini memberi kelebihan kepada pendengar agar lebih mudah memahami, menguasai dan menghafaz ilmu yang disampaikan.

Penggunaan *shiᶜr* sebagai aset perakam ilmu tentunya merupakan satu perkembangan baru pada zaman Abbasi ketika itu. Bentuk *shiᶜr* yang dihasilkan ini mengandungi unsur-unsur pembaharuan atau *Al-Tajdid* dikenali sebagai *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* (Taha Hussin, 1971, hlm. 398). Meskipun penulisan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* tidak begitu meluas sebagaimana *shiᶜr* bertema yang lain, namun kemunculannya sebagai salah satu penyumbang kepada perkembangan ilmu pada zaman Abbasi tidak dapat disangkal.

Permasalahan Kajian

Menelusuri kajian sebelum ini mendapati kajian khusus tentang *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* masih kurang dijalankan. Meskipun dari pembacaan sebelum ini menunjukkan terdapat beberapa kajian sarjana Arab dijalankan tentang *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*, namun kajian yang dijalankan lebih cenderung kepada memberi penakrifan umum kepada *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* berdasarkan pandangan dari kalangan orang Yunani, Hindu dan Arab. Kajian-kajian tersebut sebahagian besarnya menyentuh tentang asal kewujudan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*, namun tidak dihuraikan secara terperinci tokoh-tokoh penyair yang terlibat mempelopori *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dan bidang ilmu yang dihasilkan menerusinya. Pengkaji mendapati kajian tentang *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* masih tidak diberi tumpuan secara meluas oleh para pengkaji sastera Arab, memandangkan mereka lebih cenderung untuk mengkaji *shiᶜr* dengan tema *al-Taqlidi* yang lebih mendominasi seperti tema alam semulajadi, kesan ketamadunan, pujian, kejian, kebanggaan dan ratapan. Kajian yang benar-benar mengkhususkan tentang *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* merangkumi sumbangannya terhadap perkembangan ilmu dengan mengemukakan contoh dan hasil *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dalam pelbagai bidang ilmu perlu dijalankan. Isu ini telah menjadi pendorong kepada pengkaji untuk membuat penelitian dengan penumpuan secara mendalam kepada *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh.

Justeru, pengkaji merasakan menjadi suatu keperluan untuk menjalankan penelitian khusus tentang *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* kerana dengannya akan menjawab persoalan berkaitan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*; satu bentuk *shiᶜr* yang diolah, mengandungi unsur pembaharuan, dan ternyata menjadi salah satu metod terpenting dalam penyebaran dan perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman Abbasi. Walaubagaimana pun, fokus pengkaji hanya tertumpu kepada zaman Abbasi. Umum mengetahui, tercetusnya era kegemilangan ilmu pengetahuan berteraskan wahyu dan akal adalah tertumpu pada zaman Abbasi. Al-Tunji (1993) pula menyebut *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* lebih dikenali secara meluas pada zaman Abbasi.

Persoalan yang dikupas menerusi kajian ini adalah merangkumi pentakrifan terhadap *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* itu sendiri, faktor-faktor yang membawa kepada penghasilan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* oleh para ilmuan Abbasi, sumbangannya terhadap pelbagai bidang ilmu serta tokoh ilmuan yang mempelopori *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* pada ketika itu. Bagi menjawab persoalan kajian tersebut, maka kajian ini bertujuan mengkaji dan memperoleh informasi terperinci tentang maksud *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dari segi penakrifannya, mengenalpasti beberapa faktor sebagai penyebab yang membawa kepada kemunculan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*, menyenaraikan beberapa tokoh ilmuan zaman Abbasi yang mempeloporinya, bentuk *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* yang pernah dihasilkan serta sumbangannya dalam pelbagai bidang ilmu pada zaman Abbasi.

Kajian ini sekaligus dapat memperkasa khazanah kesusasteraan Arab iaitu dengan mengetengahkan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* sebagai salah satu medium yang turut berperanan dalam menyampaikan ilmu dalam pelbagai bidang. Jelas sekali menunjukkan, sekiranya *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* diketengahkan ke dalam realiti masyarakat dewasa ini, maka ia tidak akan kehilangan fungsinya, sebaliknya *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* akan turut dinobatkan sebagai medium penyebaran ilmu yang menarik dan sesuai dengan setiap golongan masyarakat dari pelbagai generasi dan zaman.

Harapan pengkaji agar usaha kecil ini dapat memberi sumbangan kepada para sarjana yang mana ia dapat memberi maklumat baru dan sedikit sebanyak informasi tambahan khususnya bagi kegunaan kajian-kajian yang akan datang dalam bidang sastera Arab di Malaysia.

Rekabentuk Kajian

Kaedah yang akan digunakan adalah berbentuk deskriptif kualitatif. Data atau informasi berkaitan kajian yang bersumber daripada perpustakaan dikenal pasti dan dikumpul untuk dianalisis. Pengolahan data yang dijalankan dalam kajian ini mengaplikasikan pendekatan Sejarah. Pendekatan ini digunakan bertujuan untuk meninjau latar belakang masyarakat Abbasi terutamanya dari sudut pendidikan dan suasana perkembangan ilmu pengetahuan yang berlaku pada zaman tersebut. Penekanan diberi setelah wujudnya pertembungan antara tamadun Arab dengan tamadun luar khususnya dari Parsi, Yunani dan India.

Dapatan Kajian

Definisi Shiᶜr

Ibn Manzur menerusi *Lisan al-ᶜArab* (j7:132-133) mentakrifkan *shiᶜr* sebagai 'kata-kata yang tersusun' dan di dalamnya mempunyai *wazan* dan *qafiah* (مَنْظُوْم القَوْل). Perkataan *al-Shaᶜir* (الشَّاعرُ) dalam bentuk kata pelaku sesuatu perbuatan bermaksud 'orang yang merasa'. Hal demikian kerana para penyair dapat merasai apa-apa yang tidak dirasai orang lain. Perkataan *al-Shiᶜr* (الشعْرُ) dan *al-Shaᶜir* (الشَّاعرُ) telah disebutkan di dalam al-Quran sebanyak 6 kali antaranya Firman Allah S.W.T.:

$$وَمَـــا عَلمْنَـــاهُ الشعْرَ وَمَـــا يَنْبَغِيْ لَـــهُ$$

(Al-Qur'an, Yaasin 22:69)

Maksudnya:
Dan Kami tidak pernah mengajarnya (Muhammad) sesuatu *shiᶜr* dan kepandaian ber*shiᶜr* itu pula tidak sesuai baginya.

Menurut Qudamah Ibn Jaᶜfar menerusi *Naqdu al-Shiᶜr* (327H:15), *shiᶜr* bermaksud perkataan yang mempunyai *al-wazan* dan *al-qafiah*, yang merujuk kepada makna tertentu, manakala menerusi kitab *Al-Muᶜjam al-Mufassal Fi al-Adab* oleh Muhammad al-Tunji (1993, hlm. 550-551) menjelaskan bahawa perkataan *al-shiᶜr* dari segi bahasa bermaksud ilmu pengetahuan manakala dari sudut istilah pula bermaksud kata-kata yang mempunyai makna *al-wazan* dan *al-qafiah* Arab yang sudah dimaklumi. Beliau berpendapat *shiᶜr* merupakan ungkapan yang mempunyai unsur kesenian dengan menggunakan bahasa yang berirama dan berwazan yang dapat memenuhi cita rasa masyarakat umum. Sementara Imil Badiᶜ Yaᶜcob menerusi *Al-Muᶜjam al-Mufassal Fi ᶜIlmi al-ᶜArud wa al-Qafiah wa Funun al-Shiᶜr* (1991, hlm. 276) menerangkan bahawa *al-Shiᶜr* adalah kata-kata yang mempunyai *al-wazan* dan *al-qafiah* yang terhasil daripada imaginasi dan luahan perasaan. Kedua-dua elemen ini apabila dialunkan ke telinga pendengar akan memberi sentuhan pada jiwa

mereka. Tambah beliau lagi, *shiᶜr* yang diungkap oleh para penyair menggunakan bahasa yang ᶜ*atifiyyah* (beremosi), indah dan mempunyai irama. *Shiᶜr* yang baik dihasilkan dengan penuh naluri dan boleh memberikan kesan kepada pendengarnya (Al-Qairawani, 1907, hlm. 34).

Shauqi Dhaif menjelaskan di dalam kitab *Fi al-Turath wa al- Shiᶜr wa al-Lughah* (1987, hlm. 87-90) bahawa *shiᶜr* adalah hasil daripada keupayaan penyair mencipta sesuatu yang baru berdasarkan kekuatan imaginasinya, ditambah pula dengan dendangan yang memberi kesan, makna yang hebat sehingga mampu menjadikan sesuatu perkara biasa pada pandangan mata menjadi perkara yang luar biasa kedudukannya. Pada zaman pertengahan Islam, orang Arab tidak melihat *shiᶜr* sebagai satu cabang seni, sebaliknya *shiᶜr* merupakan salah satu penciptaan dan perusahaan. Hal ini jelas melalui kata-kata Saidina Umar Ibn al-Khattab seperti yang diceritakan oleh Shauqi Dhaif di dalam kitab *Al-Fan wa Madhahibuhu Fi al-Shiᶜr al-ᶜArabi* (1965, hlm. 13-14) yang berbunyi "Sebaik-baik perusahaan Arab adalah rangkap-rangkap (rangkap) *shiᶜr* yang disampaikan kepada orang yang memerlukannya...".

Masyarakat pada zaman Abbasi menganggap *shiᶜr* sebagai salah satu daripada ilmu pengetahuan. Pada zaman Abbasi, kebanyakan ahli bahasa menggunakan *shiᶜr* sebagai satu perantara dan wasilah dalam mengajar bahasa Arab. Antara ahli bahasa yang terkenal pada zaman itu ialah Ibn Malik yang mengarang kitab yang dipanggil *Alfiyyah* dalam ilmu Nahu (Dhaif, 1973)

Takrif Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi

Perkataan *Al-Taᶜlimi* berasal dari perkataan علّم yang membawa maksud '*menjadikannya, mengetahui atau mengajar*'. *Al-Taᶜlimi* merupakan sebahagian daripada cara mendidik yang berkait rapat dengan pengajaran (Taha Hassan, 1991). Menerusi *Muᶜjam al-Mustalahat al-ᶜArabiyyah fi al-Lughah wa al-Adab* (1984, hlm. 112-113) perkataan *Al-Taᶜlimi* membawa erti; sifat berkaitan kerja-kerja kesenian, bertujuan menyalurkan maklumat politik, akhlak, keagamaan, ilmu pengetahuan mahupun untuk tujuan hiburan. *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* menurut Ibn Manzur (1995) adalah *shiᶜr* yang mengandungi maklumat bertujuan untuk di hafaz dan difahami makna yang terkandung di dalamnya. *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* mempunyai *al-wazan* dan *al-qafiah*, lengkap, namun tanpa unsur-unsur khayalan atau imaginasi penyair. Dengan kata lain, *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* merupakan satu kaedah pengajaran dalam proses menyampaikan ilmu dalam bentuk yang lebih ringkas, mudah difahami dan mudah dihafaz oleh para pendengar. Menerusi kitab *Al-Muᶜjam al-Mufassal Fi al-Adab* (1993), dinyatakan bahawa *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* merupakan satu bentuk *shiᶜr* yang menggabungkan ilmu dan kesenian. Ia bertujuan menceritakan pengalaman dan hasil pemerhatian penyairnya. Termasuk juga dalam pengertian *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* ialah *shiᶜr* berbentuk nasihat, hikmah dan perumpamaan.

Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi biasanya ditulis dalam *bahr al-Rajaz* kerana lebih mudah untuk dihafaz kerana *shiᶜr* pada asalnya dikatakan bermula dengan *bahr al-Rajaz.* Adakalanya *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* juga disebut sebagai *Shiᶜral-ᶜIlmi* (Muhammad al-Tunji 1993, hlm. 553-560). *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* mengetengahkan pelbagai jenis ilmu, kesenian, penciptaan dan menjelaskan disiplin ilmu tersebut. Al-Saᶜid Shanuqah

(2008) berpendapat *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* merangkumi ilmu dalam bidang mantik, sejarah, salasilah dan kisah, feqh, hadis, adab dan kesusasteraan, aqidah, kimia, perubatan dan falak.

Selain untuk tujuan menyampaikan ilmu dalam pelbagai bidang, *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* juga dikarang untuk memberikan pengajaran kepada manusia dalam urusan agama dan dunia. Mempercambahkan mereka dengan maklumat yang berkaitan dengan kehidupan seseorang individu, masyarakat dan rahsia alam semulajadi (Belo, 2013). Dengan kata lain, *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* turut dikarang untuk tujuan memperbaiki akhlak, aqidah dan ibadah. *Shiᶜr* yang dihasilkan menjelaskan mengenai perkara baik dan buruk yang perlu diikuti dan dijauhi oleh seseorang manusia. Penyair akan menggunakan gaya bahasa berbentuk *Tarhib* (peringatan); untuk meninggalkan kejahatan dan *Targhib* (galakkan); untuk melakukan kebaikan, nasihat dan pengajaran. Manakala untuk tujuan Sejarah dan Perjalanan hidup, *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dikarang bagi menjelaskan salasilah sesuati keturunan, rentetan peristiwa, punca dan sebab berlakunya sesuatu perkara.

Asal-usul Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi

Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi telah wujud dalam beberapa tamadun awal sebelum kerajaan Bani Abbasi. Ia dikatakan telah wujud di Parsi dan Rom, di mana para penyair mereka telah mengarang *shiᶜr* dalam pelbagai cabang ilmu terutamanya ilmu falak (Al-Tunji 1993, hlm. 553). *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* telah pun berkembang dalam kalangan para penyair Yunani sejak dahulu. Hal ini berikutan penemuan *shiᶜr* berjudul *al-Aᶜmal wa al-Ayyam* yang dihasilkan oleh penyair Yunani bernama *Hizyudus* beberapa kurun sebelum Masihi. *Shiᶜr* tersebut berkisar tentang musim-musim yang terdapat dalam setahun yang sesuai untuk aktiviti pertanian dan jenis hasil pertanian tersebut (ᶜAli ᶜAbdul Wahid Wafi t.th., hlm. 99). Selain itu, terdapat dua lagi *shiᶜr* beliau yang termashyur. Pertama berkaitan dengan akhlak dan keduanya berkaitan dengan kesenian dan reka cipta. Beliau juga banyak memberi nasihat, pengajaran berkaitan dengan keadilan, kezaliman dan perasaan merendah diri (Mahdi Ilyas, 2008). Menurut ᶜAli ᶜAbdul Wahid lagi, penyair Rom terdahulu iaitu *Lukarsyius* turut menghasilkan *shiᶜr* bertemakan pemikiran dan falsafah yang bertajuk *Taba'iᶜ al-Ashya'*.

Al-Shiᶜral-Taᶜlimi juga terkenal dalam kalangan masyarakat India. Mereka mengarang beberapa ilmu pengetahuan yang praktikal serta mengarang *shiᶜr* bertujuan mengumpulkan formula-formula Matematik dan ilmu Falak (Ahmad Amin, 1933, hlm. 246).

Menerusi kitab *Ittijahad al-Shiᶜr Fi al-Qarni al-Thani* (Al-Hadharah, 1965, hlm. 355) dan kitab *Duha Islam* (Ahmad Amin, 1933, hlm. 246) masyarkat Arab pada awalnya tidak mengenali *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi.* Namun kemudiannya terkesan dengan beberapa pemikiran Hindu pada zaman kerajaan Abbasi. Walau bagaimanapun ada juga yang beranggapan *shiᶜr* ini adalah kesan daripada pemikiran Yunani (Al-Jawari t.th., hlm. 250). Apabila pengaruh Yunani meresap masuk ke dalam masyarakat Arab, secara tidak langsung bentuk *shiᶜr* ini diperkenalkan (Al-Jawari t.th., hlm. 250). Syauqi Dhaif pula mempunyai dua pandangan tersendiri yang berbeza antara satu sama lain. Namun tidak diketahui antara dua pandangan ini yang manakah satu

pandangan muktamad mengenai asal kemunculan *Al-Shi^cr al-Ta^climi*. Menerusi kitab *Al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Shi^cr al-Umawi* (1974, hlm. 352), Shauqi Dhaif berpendapat *Al-Shi^cr al-Ta^climi* berasal dari peradaban Arab iaitu bermula sekitar penghujung kurun pertama Hijri, dan permulaan kurun kedua Hijri. Para penyair seperti *Ru^cbah* dan *^cAjjaj* merupakan sebahagian daripada penyair pada zaman Umawi yang merupakan pelopor kepada kewujudan kesenian baru dalam shi^cr. Penyair *Ru^cbah* dikatakan menjadi pelengkap kepada para penyair pada zaman Abbasi. Penyair pada zaman ini mengarang *shi^cr* berkisar tentang sejarah seperti kejayaan bangsa Parsi dan Yunani. Hal ini bertujuan untuk menzahirkan kepakaran penyair serta mempamerkan kehebatan mereka dalam mereka cipta sesuatu yang baru yang tidak pernah dilakukan oleh penyair lain pada zaman tersebut.

Menerusi kitab *Al-^cAsr al-^cAbbasi al-Awwal* (Syauqi Dhaif, 1966, hlm. 190) pula, dinyatakan bahawa *Al-Shi^cr al-Ta^climi* merupakan satu seni yang baru muncul dalam kalangan penyair pada zaman kerajaan Abbasi. Ia wujud disebabkan gaya kehidupan dan corak pemikiran masyarakat yang sentiasa meningkat maju. Berbeza dengan pendapat Taha Hussein menerusi kitab *Min Tarikh al-Adab al-^cArabi* (1971, hlm. 256), beliau menjelaskan bentuk *shi^cr* ini telah pun mula diketengahkan dalam kalangan orang Arab sejak kurun kedua Hijri oleh pelopornya *Abban bin Hamid Al-Lahiqi* (200H). Beliau merupakan tokoh pertama yang memperkenalkan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* (Shauqi Dhaif, 1971, hlm. 64) Kebanyakan para cendekiawan menganggap *Abban bin Hamid Al-Lahiqi* sebagai pelopor *al-Shi^cr al-Ta^climi* dalam sejarah peradaban bangsa Arab. Kenyataan ini turut disebut oleh Taha Hussein dalam kitab *Min Hadith al-Shi^cr wa al-Nasri* (t.th., hlm. 286) yang berbunyi "…nyatalah bahawa Abban adalah orang pertama yang memperkenalkan kesenian ini…". Menerusi kitab *Hadith al-Arbi^ca* (t.th., hlm. 220) beliau turut menyebut: "…beliau (*Abban bin Hamid Al-Lahiqi*) adalah Imam bagi para penyair. Di mana beliau yang telah mencipta dalam peradaban Arab satu kesenian yang tidak pernah diberikan kepada orang sebelumnya iaitu kesenian *Al-Shi^cr al-Ta^climi*…. " .

Menerusi kitab *Fusul fi al-Shi^cr wa Naqdihi* (1971) dinyatakan bahawa *Abban bin Hamid Al-Lahiqi* menghasilkan rangkap *shi^cr* yang panjang berkisar tentang sejarah, riwayat hidup individu, cerita tentang haiwan dan hukum-hakam agama. Shauqi Dhaif (1971, hlm. 64) menyebut *Abban bin Hamid Al-Lahiqi* mengarang *Al-Shi^cr al-Ta^climi* berkaitan hukum-hakam dalam bab puasa dan zakat. Beliau turut mengarang *shi^cr* berkisar sejarah perjalanan hidup *Ardasyir* dan *Anu Syirwan* serta mengarang *shi^cr* tentang kitab *Kalilah wa Dimnah.* Selain *Abban bin Hamid Al-Lahiqi* terdapat penyair lain seperti Muhammad bin Ibrahim al-Fazari yang mengarang *shi^cr* dalam bidang ilmu falak manakala Bashshar bin Mu^ctamir pula dalam bidang sains.Yahya bin al-Hakam dan Ibn ^cAbd Rabbih turut mengarang *Al-Shi^cr al-Ta^climi* dalam bidang sejarah dan tamadun. Selain itu *Al-Shi^cr al-Ta^climi* juga dikarang dalam bentuk nasihat dan kata-kata hikmah seperti mana yang pernah dikarang oleh Abu al-^cItahiyyah (Al-Qasim, 1914, hlm. 301).

Usaha menyusun ilmu pengetahuan dalam bentuk *shi^cr* telahpun wujud dalam kalangan masyarakat Arab sejak dahulu namun ia agak terbatas dan tidak begitu diperkatakan. Walau baagimanapun, Al-Aghani menerusi *Al-Adab al-^cAsru al-^cArabi fi al-^cAsru al-^cAbbasi al-Thani wa al-Andalusi* (1960, hlm. 97-98) menyebut, pada kurun keempat hijrah penulisan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* dalam pelbagai bidang ilmu

giat dijalankan. Usaha ini bertujuan untuk memelihara ilmu, memudahkan kesukaran dalam memahaminya selain kerana rasa cintakan ilmu yang tinggi dalam kalangan para ilmuan pada ketika itu.

Saleh Adam Belo (2013) berpendapat, penulisan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* telahpun bermula sejak dari zaman Jahili lagi. Beliau menolak pandangan yang mengatakan bahawa *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* muncul dalam kalangan masyarakat Arab disebabkan berlakunya pertembungan tamadun Arab dengan tamadun Hindu, Yunani dan Parsi, sebaliknya *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* pernah dicetuskan oleh penyair zaman Jahili seperti *ᶜUmayyah bin ᶜAbi Salt* dan *ᶜUday bin Zaid*. Sebagaimana yang disebut oleh Al-Jahiz tentang wujudnya *shiᶜr* mengenai awal kejadian manusia seperti penciptaan Nabi Adam a.s dan Siti Hawa diceritakan menerusi rangkap *shiᶜr* berikut (Al-Jahiz, 1938, hlm. 197-199):

وجعل الشمــس مصرا لا خفاء به   بين النهــار وبين الليل قد فصـــلا
قضى لستة أيــــام خلائقــه   وكان آخرشيء صــــور الرجـــلا
دعـــاه آدم صوتا فاستجاب لـه   بنفخة الـروح في الجســـم الذي جبلا

Yang bererti:

1) Matahari telah dijadikan yang menjadi pemisah antara malam dan siang.
2) Allah menyempurnakan penciptaanNya dalam tempoh enam hari dan antara ciptaannya yang terakhir adalah mencipta seorang lelaki (Adam).
3) Adam menerima perintah dari tuhannya dan lantas beliau menerimanya, lantas ditiupkan ruh masuk ke dalam tubuhnya.

Menerusi *shiᶜr* di atas, penyair menggambarkan kekuasaan Allah yang menciptakan Alam semesta ini dan penciptaan bumi serta makhluq yang bernama manusia seterusnya bagaimana ruh ditiupkan agar manusia itu mampu bergerak. Ini amat berkait rapat dengan ilmu moden seperti ilmu astronomi, fizik serta biologi.

Seorang lagi penyair zaman Jahili *Al-Akhnas bin Shihab* turut menghasilkan *shiᶜr* dalam bidang ilmu Geografi (Al-Dhabbi, 1942, hlm. 203):

فمن يك أمســـى في بلاد مقــامه   يســائل أطــلالا بـــها لا تجاوب
لكيز لـها البحران والسيف دونه   وإن يأتهـم ناس من الهـند هـارب
وبكر لـها بر العراق وإن تخف   يحل دونها من اليمـامــة حـاجب

Yang bermaksud:

1) Barangsiapa yang berdiri dan bertanya tanah tumpah darahnya dan runtuhan yang diam membisu.
2) Bagi penduduk *Kayyiz* dua buah lautan yang menjadi tumpuan pelarian seandainya datang golongan daripada Hindu.
3) Dan gadis, bagi mereka bumi Iraq dan seandainya takut mereka boleh melalui *Yamamah.*

Penyair menggambarkan kawasan tempat tinggal qabilah-qabilah yang terdapat di semenanjung Arab dan Iraq. Penggunaan perkataan *Iraq* dan *Yamamah* memperlihatkan unsur *al-taᶜlimi* ataupun pengajaran yang berkait rapat dengan ilmu geografi.

Pada zaman Kerajaan Umawiyah, *Al-Shi^cr al-Ta^climi* amat ketara sekali terutamanya dalam bidang kimia dan penciptaan. Penyair bernama *Khalid bin Yazid bin Mu^cawiyyah* merupakan tokoh terkenal dalam bidang kimia (Al-Mas^cudi, 1982, hlm. 514). Beliau mencipta *shi^cr* yang berkisar proses menukarkan bahan galian di bumi yang hampir tiada nilainya menjadi sesuatu yang amat bernilai seperti permata. Berikut antara rangkap *shi^cr* yang menjelaskan proses tersebut:

خذ الطـلق مع الأشـق   ومــا يـوجـد في الطـرق
وشيئا يشبــه البرقــا   فدبــره بــلا حـــرق
فـإن أحببت مـولاكـا   فقـد سـودت في الخـلق

Yang membawa maksud:

1) Berusahalah dan keluarkanlah ia (permata) daripada bumi walaupun dengan segala kesusahan kerana tidak dapat ditemui ia di jalan-jalan.
2) Ia adalah bersinar menyerupai kilat maka canailah ia usahlah dibakar.
3) Jika kamu menyayangi tuanmu sesungguhnya kamu telah menghitamkan dalam ciptaannya.

Antara penyair lain menghasilkan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* pada zaman Umawi adalah *Al-Sayyid al-Humairi* (105-173H) (Al-Asfahani, 1956, hlm. 254). Beliau menceritakan riwayat hidup Saidina Ali dan anak-anaknya serta kisah Rasulullah SAW (Al-Asfahani, 1956, hlm. 259). Antaranya kisah Rasulullah SAW yang sedang sujud mengerjakan solat. Baginda kemudiannya didatangi cucundanya Hassan dan Hussein lalu bermain di atas belakang Rasulullah SAW. Lalu Saidina Umar yang kebetulan lalu di situ berkata "...Sebaik-baik tunggangan adalah tunggangan kamu. Lalu Rasulullah menyebut: "...dan sebaik-baik penunggangnya adalah mereka berdua...". Lantas *al-Sayyid al-Humairi* mula mengarang *shi^cr* di mana beliau cuba mempamirkan sirah Rasulullah SAW bersama cucu baginda Hassan dan Hussein. Antaranya yang berbunyi (Al-Asfahani, 1956, hlm. 259):

أتـى حسـن والحسيـن النبـي   وقـد جلسـا لديه بـذاك المكـان

Yang bermaksud:
Telah datang Hussein dan Hassan cucu Nabi SAW kepada Baginda, mereka berdua duduk di sisinya di tempat tersebut.

Demikianlah pengenalan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* yang pernah wujud pada zaman Jahili dan Umawi. Walaupun *Al-Shi^cr al-Ta^climi* telah wujud pada zaman sebelum kerajaan Abbasi, namun kewujudannya tidak begitu meluas diperkatakan. Hal ini disebabkan oleh gerakan ilmiah yang tidak begitu menjadi perhatian dalam kalangan para penyair mahupun masyarakat pada ketika itu jika dibanding dengan keadaan pada zaman Abbasi. Kemasukan pengaruh luar dari pelbagai tamadun dunia secara tidak langsung telah menggerakkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat pada zaman Abbasi. Hal yang demikian telah merancakkan aktiviti penulisan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* dalam pelbagai bidang seterusnya membawa kepada perkembangan ilmu yang begitu pesat.

Al-Shicr Al-Taclimi: Penyumbang Kepada Perkembangan Ilmu Pada Zaman Abbasi: Kajian Ringkas Terhadap Beberapa Tokoh Bahasa Di Zamannya

10

Faktor Kemunculan Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi dalam Masyarakat Abbasi

Kecenderungan umat Islam terhadap ilmu pengetahuan mendorong para penyair pada zaman Abbasi untuk menghasilkan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*. Menerusi wahyu pertama dalam Surah Al-ᶜAlaq, Islam menggalakkan umatnya mencintai ilmu pengetahuan dan menuntutnya. Seiring dengan tuntutan tersebut, masyarakat pada zaman Abbasi menjadikan masjid dan pusat-pusat pendidikan sebagai tempat perkembangan ilmu (Al-Maqdisi, 1946, hlm. 39). Golongan cendikiawan dihormati dan diletakkan di kedudukan yang mulia. Para ilmuan Islam tidak hanya menjadi penterjemah semata-mata, malah menjadi pencipta kepada pelbagai ilmu pengetahuan baru. Mereka mentafsir, menganalisis dan memberi komen dan penjelasan terperinci terhadap sesuatu ilmu (Ahmad Syalabi, 1970, hlm. 251). Dengan penerokaan ini mereka mampu memindahkan ilmu dalam realiti dan suasana kehidupan masyarakat pada ketika itu. Hasilnya, generasi pada zaman tersebut dapat mengecap nikmat kemajuan dan turut sama mendapat manfaat melalui ilmu yang disebarkan oleh para ilmuan. Sehingga kini nama-nama para cendikiawan Abbasi tetap menjadi sebutan dalam kalangan golongan cendikiawan di Barat. Mereka begitu mengiktiraf dan mengagumi kehebatan ulama pada zaman tersebut (Abdul Rahman Abdullah, 2007, hlm. 366-379).

Pengaruh asing dari Parsi dan Yunani ke dalam budaya Arab memperlihatkan percampuran dari soal bahasa dan pemikiran bangsa Arab (Ahmad Amin, 1933, hlm. 182). Keadaan ini mencetuskan usaha menghasilkan idea dan kalimah yang baru untuk membentuk *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* (Jaᶜfar Khuraibani, 1990, hlm. 12). Kecenderungan masyarakat Abbasi terhadap ilmu telah menggalakkan aktiviti penterjemahan dan penulisan. Antara mereka yang menjalankan penterjemahan pada zaman Abbasi adalah seperti *Ibn al-Muqaffaᶜ, Abu al-Hassan ᶜAli bin Yazid al-Tamimi, Hassan bin Sahl al-Falaki, Ishak bin Yazid, Muhammad bin al-Jahmi al-Barmaki, ᶜUmar bin al-Farrukhan* dan sebagainya (Ibn Nadim, 1877, hlm. 244; Ahmad Amin, 1964, hlm. 177). Bermulah usaha mengaplikasi ilmu tersebut ke dalam pelbagai bentuk termasuk dalam bentuk *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* (Shauqi Dhaif, 1966, hlm. 190). Antara ilmu tersebut termasuk salasilah, sejarah, falak, ᶜ*Arudh*, nahu, saraf serta ilmu lain sehingga menjadi tema baru pada zaman Abbasi (Al-Sobah, 1990, hlm. 35). Kebanyakan penyair pada zaman Abbasi mencipta *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* untuk memperlihatkan kemahiran masing-masing dalam pelbagai ilmu. Ilmu yang dimiliki diperolehi melalui proses penterjemahan yang dilakukan (Najib Mahmud, 1422H, hlm. 37). Para penyair kemudiannya menguasai ilmu yang diterjemah sehinggakan mereka mampu mencipta *shiᶜr* dalam bidang tersebut untuk disampaikan kepada masyarakat. Bagi memastikan kesinambungan ilmu dapat dipelihara dan dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain, para ilmuan menjadikan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* sebagai aset penting merakam ilmu. Hal ini bertujuan untuk memelihara ilmu daripada luput disebabkan oleh kematian, peperangan dan sebagainya.

Kemunculan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* turut disebabkan oleh keperluan terhadap teknik dan cara pengajaran yang paling menarik dan berkesan. Ini kerana rangkap *shiᶜr* lebih mudah dihafaz dan difahami (Al-Fakhuri, 1991, hlm. 188). Sejak dahulu lagi golongan Arab terkenal dengan kemampuan mereka yang luar biasa dalam

menghafaz dan menyusun rangkap-rangkap shi^cr. Sebagai contoh, *Al-Asma^ci* telah menghafaz 12,000 rangkap *shi^cr* dan beliau turut menghafaz sebahagian besar dari qasidah penyair lain (Ahmad Amin, 1964, hlm. 373). Keupayaan ini telah mendorong para ilmuan menyusun ilmu pengetahuan dalam bentuk *shi^cr* sebagai satu cara menarik minat masyarakat mempelajari ilmu. Tambahan lagi menerusi *shi^cr*, ilmu akan mudah dipindahkan antara satu sama lain. Secara tidak langsung, masyarakat dibantu untuk memahami kesamaran dan memudahkan hafalan ilmu dari pelbagai bidang. Yang demikian proses pengajaran dan pembelajaran akan berlangsung dengan lebih mudah.

Budaya pemberian ganjaran dari pemerintah Abbasi menjadi salah satu penyebab para penyair pada zaman ini berlumba-lumba untuk menghasilkan *shi^cr*. Para khalifah menggalakkan supaya usaha penterjemahan dijalankan ke atas manuskrip ilmiah dan kesusasteraan dari pelbagai bahasa asing seperti Rom, Greek, Mesir Kuno, Parsi, India dan China ke dalam bahasa Arab (Ahmad Shalabi, 1970, hlm. 246). Hal ini secara tidak langsung mewujudkan suasana persaingan antara para penyair untuk menghasilkan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* yang bermutu. ^c*Abdul Hamid al-Katib* pernah memberi galakkan kepada para ilmuan Abbasi dengan berkata (Ahmad Amin, 1964, hlm. 172):

Maka berlumba-lumbalah wahai para penulis dalam menghasilkan ilmu dan kesusasteraan, dan

dalamilah agama Islam, dan mulailah dengan ilmu dari kitab Allah dan syariah, kemudian bahasa

Arab, maka sesungguhnya ia pengukuh sebutanmu, dan kuasailah khat, maka sesungguhnya ia

perhiasan bagi tulisanmu, dan ungkapkanlah shi^cr.

Di Antara Para Pelopor Al-Shi^cral-Ta^climi dalam Kalangan Cendikiawan Abbasi

Khalil bin Ahmad al-Farahidi (100H).

Beliau ialah ^cAbdul Rahman al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi. Dilahirkan dan dibesarkan di Basrah (Al-Hamawi, 1936, hlm. 72-77). Khalil bin Ahmad al-Farahidi merupakan pengasas *Madrasah Basriyyah.* Beliau merupakan pengarang kitab *al-^cAin al-Nagham, Kitab al-^cArud, Kitab al-Shawahid dan Al-Iqa ^c*. Beliau mencipta ilmu ^cArud dan nahu bahasa Arab seperti ilmu *dabit al-Lughah* (menentukan baris pada huruf Arab) (Al-Zarkali 1980 Jil.2: 314). Berikut merupakan antara *shi^cr* beliau yang menyebut tentang huruf *al-^cAtaf* atau yang disebut sebagai huruf *al-Nasaq*:

<div dir="rtl">

وبـلا وثم وأو فليست تصـــعب   فانسق وصل بالـواو قولك كلـه

وسبيلـها رحب المذاهب مشـعب   الفاء ناسقة كـذلك عندنـــا

</div>

Yang bermaksud:
1) Maka sambunglah kata-katamu kesemuanya dengan huruf *waw*   (و)dan *la* (لا), atau summa (ثمَ) dan *au* (أو), ia bukanlah susah.
2) Begitu juga dengan huruf *fa* (ف), dan disepakati oleh mazhab-mazhab yang pelbagai.

Menerusi rangkap *shiᶜr* di atas, huruf *al-ᶜAtaf* dalam bahasa Arab ialah huruf *waw, la, summa, au*, dan *fa* (Al-Salma, 2007).

Imam al-Shafiᶜi (150H).

Beliau ialah Abu ᶜAbdullah Muhammad bin Idris bin al-ᶜAbbas bin ᶜUthman bin Shafiᶜi bin Al-Saib, daripada keturunan Bani Hasyim bin ᶜAbdul Manaf (Badr al-Din Qadhi Shahbah, 1974, hlm. 62). Dilahirkan pada tahun 150H di Ghazzah, Palestin (Mujahid Mustafa Bahjad, 1999, hlm. 10). Menurut kitab *Tarikh Baghdad* (1931, hlm. 56) Imam al-Shafiᶜi mula menghafaz al-Quran ketika beliau berusia 7 tahun. Beliau mula mendalami kitab-kitab ilmu hadis ketika berusia 10 tahun, antaranya ialah kitab *al-Muwattaᶜ* karangan Imam Malik r.a. Imam al-Shafiᶜi turut mendalami Bahasa Arab dan mempelajari *Al-shiᶜr* di perkampungan badwi dari keturunan *Huzail* selama hampir sepuluh tahun (Ibn Kathir, 1994, hlm. 252). Qabilah *Huzail* merupakan qabilah yang memiliki ketulinan bahasa Arab yang tidak bercampur dengan unsur-unsur luar pada zaman tersebut (Al-Razi 1279H, hlm. 63). Kesemua ini menjadi landasan untuk beliau memiliki keupayaan berbahasa dan ber*shiᶜr* sehinggakan beliau digelar sebagai bangsa yang Arab sejati kerana fasih berbahasa Arab meskipun dalam ungkapan seharian (Al-Baihaqi, 1970, hlm. 49).

Keupayaan Imam al-Shafiᶜi dalam ber*shiᶜr* merupakan bakat semulajadi ditambah dengan keupayaan beliau mengingati dan memiliki daya hafalan yang kuat serta kesungguhan dalam menuntut ilmu. Ini dibuktikan dengan kata-kata Imam Ahmad bahawa kata-kata Imam al-Shafiᶜi dari sudut bahasa menjadi sandaran dan hujah (Badr al-Din bin Qadhi Shahbah, 1974, hlm. 62). Sumbangan Imam al-Shafiᶜi dalam ilmu Balaghah dapat dilihat apabila beliau memasukkan unsur *al Tashbih* dalam shiᶜr. Antaranya seperti di dalam Diwan al-Shafiᶜi (Al-Razi 1279H, hlm. 43) yang berbunyi:

إن الرسـول الذي يأتي بلا عدة   مثل السحـاب الذي يأتــي بلا مطر

Maksudnya:
Sesungguhnya seorang Rasul yang datang tanpa bekalan, umpama awan yang hadir tanpa hujan.

ᶜAli bin al-Jahmi (188H).

Menurut Hasan Muhammad Nur al-Din (1990, hlm. 13-18) ᶜAli bin al-Jahmi bin Badar bin al-Jahmi bin Masᶜud bin Asid bin Uzainah bin Kaᶜab bin Malik dilahirkan pada tahun 188H dan meninggal dunia pada tahun 238H ketika berumur 50 tahun. Gelaran beliau ialah Abu al-Hasan. Berasal daripada *Khurasan*. Kemudiannya berhijrah ke Baghdad bersama-sama keluarganya kerana mencari rezeki (Al-Baghdadi, 1931, hlm. 240). Ibn al-Jahmi merupakan penyair yang sempat melalui dua zaman peralihan kerajaan Abbasi. Pertama pada zaman Khalifah al-Rasyid (786-808M) dan kedua pula adalah zaman Khalifah al-Amin (808-813M) (Abdul Rahman Abdullah, 2007, hlm. 206-207). Kedua-dua zaman yang dilalui oleh ᶜAli Ibn al-Jahmi membina diri beliau menjadi seorang penyair yang berpengalaman dan berbakat.

Kesemua ini adalah pengaruh dari suasana kehidupan dan persekitaran yang dialami oleh beliau sebagai seorang penyair (Hassan Muhammad Nur al-Din, 1990, hlm. 17-18). ᶜAli bin al-Jahmi memberikan sumbangan dalam *Al-Shiᶜral-Taᶜlimi* menerusi tema hikmah dan nasihat. Unsur *al-Taᶜlimi* dalam rangkap *shiᶜr* beliau berbunyi (Hassan Muhammad Nur al-Din 1990, hlm. 121):

<div dir="rtl">

ما الجود عن كثرة الأمـوال والنسب   ولا البلاغة فـي الإكثار والخطب

ولا الشجـاعة عن جسم ولا جلـد   ولا الإمـــارة إرث عن أب فأب

لكنـــها همم أدت إلى رفـــع   وكـل ذلك طبـع غير مكتسب

</div>

Yang bermaksud:
1) Kemuliaan bukanlah kerana banyak wang, keturunan mulia, petah berkata.
2) Keberanian bukanlah disebabkan tubuh yang besar dan gagah, warna kulit dan kerana memiliki kerajaan yang diwarisi.
3) Akan tetapi kemuliaan adalah kerana jati diri yang tinggi, ia bukanlah dapat dipelajari atau diperolehi.

Menurut ᶜAli bin al-Jahmi, kemuliaan bukannya datang daripada kekayaan, keturunan mulia, kerajaan yang luas dan bukan juga terletak kepada kepetahan berkata-kata dan keberanian yang dimiliki, namun kemuliaan lahir daripada sifat semulajadi yang dimiliki oleh seorang insan sejak azali.

Abban bin Abdul Hamid Al-Lahiqi (200H).

Abban bin Abdul Hamid Al-Lahiqi merupakan seorang hamba daripada Bani Riqash (بني رقاش) yang berasal dari golongan *mawali* di Basrah. *Al-Lahiqi* adalah sandaran kepada nama datuknya yang bernama *Lahik* (Al-Baghdadi, 1931, hlm. 458). Abban bin Abdul Hamid Al-Lahiqi mencipta *al-Shiᶜr al-Taᶜimi* dalam pelbagai bidang ilmu seperti ilmu tarikh, kisah dan juga feqah (Al-Asfahani, 1956, hlm. 155-167). *Shiᶜr* paling masyhur yang pernah dihasilkan adalah menerusi kitab *Kalilah wa Dimnah* iaitu sebanyak empat belas ribu rangkap (Majdi Wahbah, 1984, hlm. 213). Beliau memilih bahasa yang mudah difahami sehingga dikagumi masyarakat pada zamannya.

Ibn Duraid (223H).

Muhammad bin al-Hassan bin Duraid al-Azadi atau lebih dikenali sebagai Ibn Duraid dilahirkan di Basrah kemudian merantau ke Parsi dan menghasilkan *al-Diwan*. Setelah itu beliau pulang ke Baghdad pada zaman Khalifah al-Muqtadir dan menghasilkan kitab berjudul *Al-Ishtiqaq* (Al-Hamawi, 1991, hlm. 296; Al-Zarkali, 1980). Ibn Duraid menghasilkan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dalam bidang bahasa. Beliau membina Qafiah menggunakan huruf *al-Maqsur* sebanyak 250 rangkap *shiᶜr* Al-Hamawi, 1991, hlm. 105). Seterusnya, menjadikan setiap qafiyah dalam rangkap shiᶜrnya berakhir dengan perkataan yang mempunyai huruf *alif maqsurah*. Antaranya rangkap *shiᶜr* beliau tersebut berbunyi (Shauqi Dhaif, 1973, hlm. 253):

<div dir="rtl">

لا تـــركنن إلــى الهــوى   واحـــذر مفارقـة الــهواء

</div>

يــوما تصير إلــى الثــرى   ويفــوز غيــرك بــالثــراء

Bermaksud:

1) Janganlah kamu terpesona dengan hawa nafsu dan sentiasalah beringat akan perpisahan dengan ruh.
2) Hari di mana kamu menuju ke tanah perkuburan, sedangkan warismu yang ditinggalkan bergembira dengan harta yang kamu tinggalkan untuk mereka.

Shiᶜr di atas mengandungi lebih 75 perkataan *al-maqsur* dan diikuti dengan perkataan *al-mamdud*. Kedua-dua bentuk perkataan tersebut berasal daripada satu kata dasar yang sama (Shauqi Dhaif, 1973, hlm. 253).

Ibn Malik (*600H*).

Nama beliau Muhammad bin ᶜAbdullah bin Malik, dilahirkan disebuah tempat bernama *Jiyan* di Andalus pada tahun 600 Hijrah dan meninggal dunia pada tanggal 672H. Beliau mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu Arab. Antara kitab penulisan beliau adalah seperti kitab *Fi Qadri Al-Shatibiyyah, Al-Muqaddimah al-Asadiyyah, Sabak al-Manzum wa Wafk al-Makhtum* serta kitab beliau yang masyhur berjudul *Al-Khulasah* atau dikenali juga sebagai *Al-fiyyah* (Ibn ᶜAqil, 1995, hlm. 8-12). Menerusi rangkap shiᶜr beliau yang pertama ada menyebut perkataan *al-Fiyyah seperti berikut* (Ibn ᶜAqil, 1995, hlm. 16):

مقــاصد النــحوبها محــويــه   وأستعــين الله في ألفــيه

Bermaksud: Dan aku minta tolong pada Allah di dalam menyusun *Kitab Alfiyyah*, yang dengannya maksud-maksud ilmu nahu telah tercakup.

Sementara nama *al-Khulasah* diambil sempena rangkap shiᶜr beliau yang terakhir yang berbunyi (Ibn ᶜAqil, 1995):

نظــما على جل المهمات اشتمل (1)   ومــا بجمعه عنيت قــد كمل
كــما اقتضى غنى بلا خصــاصه (2)   حوى من الكافيــة الخــلاصه

Bermaksud:

1) Dan tidaklah usaha yang kulakukan untuk menghimpunkan apa-apa yang sangat penting akhirnya sempurna dalam bentuk shiᶜr.
2) Ia merangkumkan dan menyimpulkan segala ilmu sebagaimana ia mendatangkan satu faedah tanpa sebarang keraguan.

Kitab *Al-fiyyah* telah mengangkat kemasyhuran beliau kerana kitab ini merupakan satu-satunya kitab yang menghimpunkan shiᶜr dalam *ilmu nahu* dan *saraf* menggunakan *bahr al-rajaz* (Al-Ansari, 1997).

Bashshar bin Burd (714H).

Al-Asfahani di dalam kitab beliau *Al-Aghani* ada menyebut mengenai Bashshar bin Burd. Beliau merupakan anak kepada *Yarjukh*. Berasal daripada Tukhristan, hamba kepada *al-Muhallab bin Abi Sufrah* dan mendapat gelaran sebagai *Abu Muᶜadh* (Al-

Asfahani, 1956, hlm. 143). Beliau dilahirkan dalam keadaan buta. Sifat fizikal Bashshar tidak seindah insan lain. Selain buta, beliau juga berwajah kurang menarik, bertubuh gempal dan sentiasa dihina sejak kecil lagi (Al-Baghdadi, 1931, hlm. 112). Bapa beliau seorang penjual susu. Kehidupan beliau penuh dengan penderitaan akibat kemiskinan. Meskipun begitu, kemisikinan inilah yang membina kekuatan dirinya untuk mencipta *shiᶜr* dalam pelbagai tema (Al-Shiᶜkah, 1974, hlm. 104-105). Bashshar bin Burd menerusi *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* memberi sumbangan dalam tema hikmah dan nasihat yang disebut sebagai *shiᶜr al-Hikmah wa al-Mauᶜizah*. Berikut antara kata-kata beliau (Al-Syiᶜkah, 1972, hlm. 267) yang berbunyi:

<div dir="rtl">

لم يبـق قبلك لامـرئ ذهبه   واستـغن بالـواجبات عن ذهب

وتـرى الوضيـع يزينه أدبه   عـي الشريف يشـين منصفه

ولـربما ضر الفـتى كذبه   والصـدق أفضـل ما حضرت به

</div>

Yang bermaksud:

1) Utamakanlah kewajipan daripada emas, tidak pernah kekal emas itu di kalangan orang sebelum kamu.

2) Ketidakupayaan itu menghilangkan kemuliaan, kamu akan melihat bahawa orang yang tawadhuk dihiasi oleh adabnya.

3) Kejujuran adalah sebaik-baik perkara yang perlu dimiliki, boleh jadi pendustaan mendatangkan bencana kepada tuannya.

Bashshar menasihati golongan yang memiliki harta agar menggunakan harta sesuai pada tempatnya agar dapat dimanfati oleh orang lain. Harta sama ada digunakan dengan betul ataupun sebaliknya kesudahannya tetap akan binasa. Menurut Bashshar lagi, sifat yang paling terpuji adalah sifat "benar" kerana di sanalah puncak kejayaan seorang insan.

Al-Fazari (796H).

Penyair Ibrahim Abu Ishaq Ibn Habib Ibn Sulaiman Ibn Samura Ibn Jundub al-Fazari atau al-Fazari (796H) merupakan seorang ahli falsafah, astronomi dan matematik Islam yang terkenal semasa zaman pemerintahan khalifah Harun al-Rashid. Al-Fazari mengarang *shiᶜr* dalam ilmu Falak. Antaranya seperti yang disebut di dalam kitab *Al-Wafi wa al-Wafayat* oleh Solah al-Sifdi (1953, hlm. 332-338) yang berbunyi:

<div dir="rtl">

ذي الفضل والمجد الكريم الأكرم   ألحـمدلله العلـي الأعظـم

الواحـد الفرد الجواد المنـعم

والشـمس نـورها الأغسـاقا   الخـالق السبـع العلى طباقا

والبـدر يملأ نـوره الآفـاقا

لأعظـم الخطب مـن الأمـور   الفلك الدائـر فـي المسيــر

يسـير في بـحر مـن البـحور

</div>

Rangkap *shiᶜr* di atas bermaksud:

1) Segala puji bagi Allah yang Maha Tinggi dan Maha Agong. Mempunyai kelebihan, kemegahan dan kemuliaan yang Tinggi Yang Esa, Maha Pemurah dan Pemberi nikmat.

2) Pencipta tujuh petala langit dan matahari yang bersinar cahayanya. Dan bulan yang cahayanya memenuhi ufuk.
3) Bintang-bintang yang berputar di paksinya. Di atas perintah yang Maha Besar atas setiap urusan. Ia berjalan di atas lautan dari lautan-lautan.

Sumbangan Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi Terhadap Perkembangan Ilmu Pada Zaman Abbasi

Pelbagai ilmu berteraskan wahyu dan akal digarap dalam bentuk *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* agar mudah difahami dan diingati. *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dalam **kisah-kisah teladan** mengetengahkan unsur didikan. Antaranya *shiᶜr* yang dikarang oleh *Aban bin Hamid Al-Lahiqi* mengandungi 14 000 rangkap *shiᶜr* (Shauqi Dhaif, 1966) tentang kisah bertema haiwan yang digarap dari kitab termasyhur karangan Ibn al-Muqaffaᶜ bertajuk *Kalilah wa dimnah*. Kitab ini mengandungi kisah berunsur nasihat yang menggunakan watak haiwan sebagi pelakunya.

<div dir="rtl">

وإن مـن كـان دنيء النفـس   يرضــى مـن الأرفـع بالأخس

كمثـل الكـلب الشقي البـائس   يفـرح بالعظـم العتيق اليابس

</div>

1) Sesungguhnya sesiapa yang berjiwa hina dan kotor mereka lebih meredhai dengan keuntungan yang sedikit daripada ganjaran yang tinggi nilainya.
2) Seumpama seekor anjing yang begitu daif dan lemah, terhibur dan gembira dengan tulang yang kering.

Unsur *al-Taᶜlimi* menerusi rangkap *shiᶜr* tersebut adalah tentang nilai manusia yang terletak pada jiwa yang tinggi. Penyair mengajak manusia agar tidak menyerupai perangai haiwan yang diumpamakan seperti anjing, tidak berjiwa tinggi dan hanya memadai dengan sesuatu yang kecil dan tidak berharga.

     Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi dalam bidang sejarah pernah dimuatkan dalam *Muqaddimah Diwan ᶜAli bin al-Jahmi* (ᶜAli Ibn al-Jahmi, t.th, hlm. 227). Beliau mengisahkan tentang zaman pemerintahan Khalifah al-Mustaᶜin seperti berikut:

<div dir="rtl">

فنحن في خلافـة مبـاركـة   خلت عن الأضـرار والمشـاركة

فالحـمدلله على إنعامـه   جميـع هذا الأمر مـن أحكامـه

ثم الصـلاة أولا وآخـرا   على النبي باطنـا وظاهـرا

</div>

Yang bermaksud:
(1) Kami berada dalam keamanan dalam negeri khalifah yang diberkati, terhindar daripada kemudaratan.
(2) Kami bersyukur kepada Allah atas nikmatNya terhadap semua ini.
(3) Selawat dan salam pertama dan terakhir buat Nabi secara zahir dan batin.

Penyair cuba membawa unsur sejarah dalam *shiᶜr* beliau mengenai khalifah Abbasi untuk ditatapi oleh generasi akan datang.

     ᶜAli Ibn al-Jahmi turut menyentuh **kisah-kisah Nabi** seperti kisah Nabi Nuh a.s. Kemudian diikuti dengan kisah Nabi Ibrahim a.s (Hassan Muhammad Nur al-Din, 1990, hlm. 132-133):

<div dir="rtl">

عــبدا لمــن أرســـله نصــوحا   فأرســـل الله إليهـــم نوحـــا

يدعـــو إلى الله وتـــمضي الأزمـــنة   فــعاش الف غير خمســـين سنة

فلـــم يـــزل في خلـــقه رحيما   ثم اصـــطفى ربك ابراهيما

</div>

Yang bermaksud:

1) Lalu Allah mengutuskan kepada mereka Nabi Nuh yang merupakan seorang hamba Allah yang diutuskan sebagai pemberi nasihat.
2) Lalu ia hidup selama seribu tahun kecuali lima puluh tahun menyeru kepada menyembah Allah sehingga berlalu bertahun-tahun.
3) Kemudian Tuhanmu mengutuskan Nabi Ibrahim, seorang yang mempunyai sifat pengasih yang baik akhlak.

Antara *Al-Shi^cr al-Ta^climi* yang turut terkenal dalam **bidang nahu** adalah karangan Ibn Malik bertajuk *Alfiyyah Ibn Malik* (Shauqi Dhaif, 1973, hlm. 246-254). Sumbangan beliau ini telah mengangkat kemasyhurannya kerana kitab ini merupakan satu-satunya kitab yang membahaskan nahu Arab secara terperinci sehingga mencecah seribu rangkap *shi^cr* (Ibn ^cAqil, 1995, hlm. 5-14). *Alfiyyah Ibn Malik* menjadi bahan rujukan utama para ulama' nahu terkemudian untuk mensyarahkan semula apa-apa yang terkandung dalam rangkap *shi^cr* tersebut. Antaranya adalah Ibn ^cAqil menerusi kitab beliau berjudul *Sharah Ibn ^cAqil* (1995) dan Ibn Hisham Al-Ansari menerusi kitab *Audah al-Masalik Ila Alfiyyah Ibn Malik* (1997). Berikut dipetik beberapa rangkap *Al-Shi^cr al-Ta^climi* oleh Ibn Malik berkisar tentang pembahagikan kata nama serta jenisnya (Ibn ^cAqil, 1995, hlm. 32-39):

<div dir="rtl">

لشبـــه من الحـــروف مدني   والاســـم منـــه معـــرب ومبنـــي

وأعـــربوا مضـــارعا إن عريا   وفعـــل أمـــر ومضـــي بنيـــا

</div>

Yang bermakna:

1) Kata nama antaranya dikenali sebagai *al-Mu^crab* dan ada yang dikenali sebagai *al-Mabni* kerana ada persamaan dengan huruf.
2) *Fi^cil amr* dan *fi^cil madhi* hendaklah *dimabnikan*, sedangkan *fi^cil mudari^c* adalah dalam kategori *mu^crab.*

Rangkap *shi^cr* di atas menyebut; kata nama yang pertama adalah *mu^crab* ; iaitu huruf yang boleh berubah tandanya, dan keduanya adalah *mabni*; iaitu huruf yang tidak boleh diubah tanda bacaannya. Beliau menyatakan bahawa kata kerja dalam bentuk suruhan (*al-amr*) dan kata kerja yang telah berlaku (*al-madi*) hendaklah dii^crabkan sebagai *mabni.*

Sumbangan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* dalam **ilmu Balaghah** pernah dihasilkan oleh Imam al-Shafi^ci berkaitan *al-Muqabalah* (Al-Baihaqi, 1970, hlm. 7).

<div dir="rtl">

ورعى الذبـــاب الشهد وهـــو ضعيـــف   رعت النســـور بقـــوة جيف الفلا

</div>

Yang bermaksud:

Helang menguasai bangkai dengan kekuatan yang dimilikinya, sedangkan lalat menguasai madu yang masih di dalam sarangnya dengan kelemahan yang dimilikinya.

Dalam rangkap di atas, Imam al-Shafiᶜi menjelaskan unsur *al-Muqabalah* menggunakan dua perkataan yang berlawanan dari segi makna iaitu antara perkataan قوة (*kuat*) dan (ضعيف *lemah*).

Salah satu sumbangan lain *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* adalah dalam bidang **ilmu ᶜArud**. ᶜ*Arud* merupakan bidang ilmu yang berkaitan dengan asas pembinaan *shiᶜr* dan menentukan kesahihan atau kecacatan wazan sesuatu *shiᶜr* Arab (Khalil bin Ahmad, 1980, hlm. 275). Ibn ᶜAbdu Rabbih mengemukakan contoh ilmu ᶜ*Arud* dalam bentuk *shiᶜr* menerusi kitab ᶜ*Iqdul Farid* dan kitab *al-Jauharat al-Saniah Fi Aᶜarid al-Shiᶜri wa Iᶜlal al-Qawafi*. Berikut beberapa rangkap *shiᶜr* mengenai *Al-Zahafat* (Ahmad Hassan Bassaj, 1994, hlm. 125-126), iaitu perubahan yang berlaku dalam *bahr al-Tawil;* iaitu *bahr* yang paling panjang dalam *shiᶜr* Arab. Hal ini disebabkan oleh satu huruf *disukunkan* (bertanda mati) ataupun satu huruf yang *dihazafkan*. Keadaan ini berlaku sama ada pada huruf yang kedua, keempat, kelima atau keenam (Yusuf Bakkar, 1990, hlm. 64):

من كـل مـا يبـدو على اللسان	فـكل جـزء زال منه الثـاني
فإنــه عندي اسمــه مخبـون	وكــان حرفا شأنه السكـون
محركــا سميتـه المنقوصــا	وإن وجـدت الثاني المنقوصــا

Yang bermaksud:
 1) Setiap bahagian dihilangkan padanya yang kedua
 Daripada apa yang kelihatan pada lisan.
 2) Dan sekiranya satu huruf dalam keadaan berbaris sukun
 Sesungguhnya bagiku ia disebut *makhbun.*
 3) Dan sekiranya aku dapati yang kedua adalah huruf *manqus*
 Aku namakan al-manqus.

Sumbangan *Al-Shiᶜral-Taᶜlimi* dalam **ilmu al-Qiraat** seperti yang dikarang oleh al-Imam al-Hafiz Syeikh al-Qurra' Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Yusof atau dikenali sebagai *Ibn al-Jazari* (855H). Antara rangkap *shiᶜr* beliau dalam ilmu Qiraat yang menjelaskan mengenai makhraj huruf adalah seperti berikut (Gaibie, 2009):

على الـذى يختـاره من اختبر	مخـــارج الحروف سبعة عشر
حروف مد للهواء تنتهي	للجوف ألف وأختاها وهي

Bermaksud;
1) Tempat keluar huruf ada 17 bagi orang yang mengkaji tentangnya.
2) Ruang kosong di tekak dan mulut mempunyai alif dan dua saudara perempuan yang(و dan ي)yang

Menerusi **bidang falsafah**, Imam al-Shafiᶜi mengemukakan panduan dalam menuntut ilmu menerusi *shiᶜr* bertajuk *Shurut Tahsili al-ᶜIlmi Sittah* (Al-Zuᶜbi, 1971, hlm. 81; Mahmud Ismaᶜil, 1996):

سأنبـيك عن تفصيلـها ببيان	أخي لن تنــال العلم إلا بستة
وصحبــة الأستاذ وطـول زمان	ذكاء وحرص واجتـهاد وبلغة

Yang bermaksud:

1) Wahai saudaraku, kamu tidak akan mencapai ketinggian ilmu melainkan dengan enam perkara, saya akan terangkan perinciannya.
2) Kebijaksanan, kesungguhan, usaha, kemampuan, mendampingi guru dan tempoh masa yang panjang (istiqamah).

Menurut penyair, dalam menuntut ilmu terdapat enam perkara yang perlu dipenuhi iaitu kebijaksanaan, kesungguhan, usaha, kemampuan, sentiasa mendampingi orang berilmu serta istiqamah dalam menuntut ilmu.

Sumbangan *Al-Shi^cral-Ta^climi* dalam **bidang hikmah dan pembentukan akhlak** membawa kepada tercetusnya *shi^cr* hikmah atau dikenali sebagai *shi^cr al-Zuhdiyyat* (Abu al-^cItahiyyah, 1914, hlm. 383; Ahmad Muhammad ^cAliyyan, 1991, hlm. 173). Muhammad Redha Murawwah (1990) menerangkan bahawa *Hikmah* merupakan tema yang muncul pada zaman Abbasi dengan tujuan untuk mendidik dan membentuk akhlak masyarakat agar mengubah kehidupan daripada kelalaian dan hiburan yang berlebihan kepada mengingati Allah Taala dan menginsafi kematian.

Bashshar bin Burd mengetengahkan tema hikmah menerusi *shi^cr* beliau tentang kejujuran dalam persahabatan. Persahabatan menurut Bashshar hendaklah disertai dengan sikap saling memahami, bertolak ansur dan keserasian antara mereka (Al-Asfahani, 1956, hlm. 237; Al-Shik^cah, 1972, hlm. 264):

<div dir="rtl">

صديقك لــم تلق الذي لا تعـاتبه   إذا كنت في كل الأمور مــعاتبا

مقارف ذنبا مرة ومجـــانبه   فعش واحدا أو صلّ أخـاك فإنه

ظمئت وأي النـاس تصفو مشا ربه   إذا أنت لم تشرب مرارا على القذى

</div>

Yang bermaksud:

1) Jika kamu sentiasa memarahi sahabat pada segala perkara, nescaya kamu tidak akan menemui seseorang pun di dalam hidup yang tidak kamu cela dan marah.
2) Maka hiduplah bersendirian ataupun keduanya pilihlah untuk berada bersama saudaramu, pada ketika ini perlu menerima segala perlakuan adakalanya tersalah adakalanya betul.
3) Jika kamu tidak mampu menerima kepahitan dalam pergaulan, maka dengan sahabat yang bagaimanakah dapat kamu bergaul.

Al-Shi^cral-Ta^climi dalam **bidang Feqh** pernah dikarang oleh Abban bin ^cAbdul Hamid al-Lahiqi menerusi karya beliau bertajuk *al-Fara'id*. Beliau menerangkan tentang hukum *puasa* dan *zakat*   (Al-Suli, 1986, hlm. 51):

<div dir="rtl">

وصـومه مفترض موصـوف   فرمضــان شهـره معـروف

فـإن ذاك فـي الصـيام مثله   والقتل إن لم يك عمـداً قتـله

متصـلان لا مفرّقــان   شهـران في العـدة كاملانٍ

</div>

Bermaksud:

1) Dan bulan Ramadhan ialah bulan yang dikenali, dan berpuasa di dalamnya adalah satu kefardhuan.
2) Dan sesiapa yang melakukan pembunuhan secara tidak sengaja maka berpuasa adalah satu penyelesaiannya.

3) Berturut selama dua bulan secara berterusan tanpa berselang.

       Kajian berkaitan **ilmu falak** berkembang pada zaman khalifah Al-Mansur. Usaha menterjemahkan buku *Sdihanta* dari bahasa Sanskrit ke bahasa Arab dilakukan oleh *Mohammad bin Ibrahim Al-Fazari* yang kemudian diberi judul *Al-Sindhind al-Kabir*. Muhammad al-Fazari mengarang *shi^cr* dalam bidang ilmu falak. Antaranya disebut di dalam kitab *Al-Wafi wa al-Wafayat* oleh Solah   al-Sifdi (1953, hlm. 336) yang berbunyi:

<div dir="rtl">

ألحمـدلله العلي   ذي الفضل والمـجد الكريم الأكرم

الواحد الفرد الجواد المنعـم الأعظـم

الخــالق السبـع   والشـمس نـورها الأغسـاقا

العلى طباقا   والبدر يملأ نـــوره الآفاقا

الفلك الدائـــر   لأعظم الخطب من الأمــور

فـي المسير   يسير فـي بحر من البحــور

</div>

Yang bermaksud:
1) Segala puji bagi Allah yang Maha Tinggi dan Maha Agung
     Mempunyai kelebihan, kemuliaan dan kemegahan yang Tinggi
     Yang Esa, Maha Pemurah dan Pemberi nikmat.
2) Pencipta tujuh petala langit
     Dan matahari yang bersinar cahayanya
     Dan bulan yang memenuhi cahayanya.
3) Bintang-bintang yang berputar di paksinya
     Atas perintah yang Maha Agong atas setiap urusan
     Ia meniti di atas lautan dari lautan-lautan.

       Menerusi **ilmu mantik**, *Ibn Sina* mengungkapkan berkenaannya menerusi rangkap *shi^cr* beliau yang berbunyi (Al-Aghani, 1960, hlm. 98):

<div dir="rtl">

إذا أردت أن تحــد حــدا   فرتب الجنـس القـريب جدا

فانـه يحصـر كـل ذاتى   يكون للحـدود وفى الصفات

ثم أطلب الفصـــول فهى الحادة   من صـــورة أخـذتها أو مادة

</div>

Yang bermaksud:
1) Sekiranya kamu hendak mentakrifkan sesuatu, maka susunlah mengikut jenis yang paling hampir.
2) Maka sesungguhnya ia hendaklah terbatas kepada peribadi, yang merupakan batasan dan sifat.
3) Kemudian jadikanlah ia dalam bentuk pecahan, maka ia menjadi satu pecahan yang kamu ambil dari gambaran atau bahan.

Penutup

Hasil dapatan membincangkan asal kemunculan *Al-Shi^cr al-Ta^climi* sebagai salah satu bentuk *shi^cr* baru pada zaman Abbasi yang mengalami *Al-Tajdid* atau pembaharuan (Shauqi Dhaif, 1973). Segelintir sejarawan berpendapat bahawa *Al-Shi^cr al-Ta^climi* telah pun wujud sejak zaman Jahili iaitu sekitar penghujung kurun pertama Hijri lagi (Shauqi Dhaif, 1974). Namun kemunculannya tidak begitu ditengahkan dan

penulisannya kurang meluas. Walau bagaimanapun pada kurun keempat Hijri, penulisan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* giat dihasilkan. Ini adalah disebabkan oleh aktiviti ilmuan yang semakin berkembang pada ketika itu.

Pendapat kedua pula mengatakan bahawa kemunculan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* adalah disebabkan oleh pengaruh asing yang meresap masuk ke dalam masyarakat Arab pada zaman Abbasi. *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* telahpun wujud dalam kalangan masyarakat Yunani beberapa kurun sebelum Masihi (Mahdi Ilyas, 2008). Pada zaman Abbasi, budaya ilmu dan aktiviti pemikiran pesat berkembang. Galakkan yang tidak berbelah-bagi daripada para pemerintah terhadap usaha-usaha penulisan dan penterjemahan bahan ilmiah dari Yunani, Parsi dan India turut menjadi faktor pemangkin ke arah terhasilnya lebih banyak ilmu pengetahuan. Secara tidak langsung *shiᶜr* dengan tema *al-Taᶜlimi* telah didedahkan secara meluas dalam kalangan masyarakat Abbasi pada ketika itu.

Pendapat lain menyebut bahawa *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* sebagai satu seni baru yang muncul dalam kalangan penyair pada zaman Abbasi (Shauqi Dhaif, 1966). Kemunculannya adalah disebabkan oleh gaya kehidupan dan corak pemikiran masyarakat yang semakin maju dan rasa cinta yang mendalam terhadap ilmu. Justeru, sebagai usaha untuk menyebar dan menarik minat masyarakat Abbasi terhadap ilmu, pelbagai pendekatan baru diambil iaitu dengan merakamkan ilmu tersebut dalam bentuk *shiᶜr* agar lebih mudah difahami dan diingati. Para penyair bertungkus-lumus mencipta *shiᶜr* dalam pelbagai bidang ilmu. Perkembangan ini akhirnya telah membawa kepada kemunculan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*.

Pelbagai bidang ilmu telah disebarkan menerusi *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*. Di antaranya adalah dalam bidang sejarah termasuk sejarah pemerintahan khalifah Abbasiah, kisah Nabi, kisah teladan. Selain itu ilmu dalam bidang lain yang dimuatkan dalam bentuk *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* termasuklah ilmu bahasa, nahu, saraf, balaghah, ilmu arudh, ilmu qiraat, feqh, ilmu falak, mantik, falsafah serta hikmah dan nasihat. Terdapat ramai cendikiawan Abbasi yang mempelopori *Al-Shiᶜral-Taᶜlimi*. Di antara yang dibincangkan dalam kajian ini termasuklah Abban bin Abdul Hamid Al-Lahiqi (200H), Khalil bin Ahmad al-Farahidi (100H), Imam al-Shafiᶜi (150H), ᶜAli bin al-Jahmi (188H), Ibn Duraid (223H), Bashshar bin Burd (714H) dan Al-Fazari (796H). Tokoh ilmuan lain yang turut menyumbang dalam menghasilkan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* termasuklah Ibn Malik (600H), Ibn Abd Rabbih, Ibn Al-Jazari dan Ibn Sina (368H).

Kesimpulan dan Cadangan

Demikianlah perbincangan mengenai *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* dan perkembangannya pada zaman Abbasi, iaitu zaman keagungan Islam yang menyaksikan berlakunya pertembungan dari sudut pemikiran, budaya dan keilmuan di antara tamadun Arab dengan tamadun asing khususnya dari Parsi, Yunani dan India. Pengaruh asing yang meresap ke dalam masyarakat secara tidak langsung telah memberi kesan dan mewujudkan rasa kecenderungan masyarakat Abbasi terhadap ilmu pengetahuan. Keadaan ini telah menggalakkan aktiviti penterjemahan dan penulisan seterusnya menyumbang terhadap kemajuan ilmu pengetahuan pada zaman Abbasi.

Para penyair pada zaman Abbasi juga tidak terkecuali daripada menerima kesan daripada pengaruh asing. Kedudukan dan kepentingan *shiᶜr* dalam kalangan masyarakat Arab tidak perlu dipertikaikan. Minat yang mendalam terhadap *shiᶜr* jelas hinggakan ada di antara mereka yang mampu memindahkan *shiᶜr* yang panjang daripada satu generasi ke generasi seterusnya hanya menerusi lisan. *Shiᶜr* juga dianggap penting untuk menarik minat masyarakat terhadap ilmu pada ketika itu (Othman Khalid 1986: 58). Justeru tidak hairanlah apabila penyebaran Ilmu pengetahuan oleh para cendekiawan Abbasi sebahagiannya adalah menerusi penulisan *shiᶜr*. Perkembangan ini telah membawa kepada munculnya tema baru dalam *shiᶜr* masyarakat Abbasi yang dikenali sebagai *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi*. Di samping *shiᶜr* dengan tema lama, kemunculan *Al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* adalah didorong oleh beberapa faktor seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun, antara faktor penting yang menarik perhatian berkaitan kemunculannya adalah disebabkan oleh keperluan terhadap teknik dan cara pengajaran yang paling menarik dan berkesan. Hal ini kerana susunan ilmu yang dimuatkan dalam bentuk *shiᶜr* lebih mudah dihafaz dan difahami (Al-Fakhuri, 1991, hlm. 188). Di samping itu, kesinambungan ilmu turut terpelihara disebabkan oleh kematian atau peperangan, sebaliknya dapat dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Meskipun penulisan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* tidak begitu meluas sebagaimana *shiᶜr* bertema yang lain, namun kemunculan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* telah menjadi salah satu faktor penyumbang ke arah perkembangan ilmu pengetahuan khususnya pada zaman Abbasiah. Hal ini kerana para penyair telah menghasilkan *shiᶜr* yang mengandungi unsur *al-Taᶜlimi* dari pelbagai bidang ilmu seperti sejarah, bahasa, nahu dan saraf, ilmu *ᶜArud, Balaghah*, qiraat, falsafah, feqah, falak, mantik, hikmah dan nasihat. Pelopor pertama yang mengembleng usaha menghasilkan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* sebagaimana yang telah dibincangkan adalah penyair *Abban bin ᶜAbdul Hamid al-Lahiqi.* Usaha ini diikuti oleh ramai lagi tokoh penyair dan ilmuan Abbasi antaranya *ᶜAli bin al-Jahmi, Ibn al-Muᶜtaz, Ibn Malik, Imam al-Shafiᶜi, Ibn Sina* dan *Al-Fazari.* Para penyair yang telah diketengahkan dalam kajian ini secara umumnya mewakili beberapa bidang ilmu. Masih ramai penyair dan tokoh ilmuan yang tidak dibincangkan dalam kajian ini, namun turut mengembeling tenaga dan usaha menghasilkan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* di antaranya seperti Ibn Al-Mu'taz, Al-Hariri, Abu Tammam, Abu Al-Itahiyyah, Al-Mu'arri, Ibn Al-Shibl dan ramai lagi. Sumbangan mereka dalam *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* wajar dibincangkan dalam kajian seterusnya. Walaupun tidak secara keseluruhan, namun usaha ini sedikit sebanyak dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan kemunculan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* pada zaman Abbasi dan sumbangannya dalam mengembangkan ilmu pengetahuan pada zaman tersebut.

Semoga kajian ini akan menjadi satu permulaan yang baik bagi penghasilan lebih banyak lagi bahan ilmiah berkaitan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* yang perlu diterokai oleh para sarjana pada masa akan datang. Pengkhususan terhadap perkembangan *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* pada zaman Abbasiah boleh diperluaskan skopnya kepada zaman-zaman selepasnya seperti zaman kerajaan Andalusi, zaman kerajaan Uthmaniyyah sehinggalah ke zaman moden. Bidang ilmu pengetahuan lain yang wujud dalam bentuk *al-Shiᶜr al-Taᶜlimi* atau memiliki kesamaan dengannya perlu dikaji secara

mendalam lagi bagi merungkai banyak lagi sumbangan *al-Shi^cr al-Ta^climi* terhadap perkembangan ilmu pengetahuan. Allahu Waliyyu al-Taufiq.

Rujukan

Abdul Rahman Abdullah (1428H/2007). *Sejarah dan Tamadun Islam*. Ed. ke-2. Alor Setar: Pustaka Darussalam.

Abu al-^cItahiyyah, Isma^cil bin al-Qasim (1914). *Al-Diwan, al-Anwar al-Zahiyah*. Beirut: t.pt.

Ahmad Amin (1351H/1933). *Duha al-Islam*. Jil. 1. Ed. ke-7. Qaherah: Maktabat al-Nahdhah al-Misriyyah.

Ahmad Amin (1388H/1964). *Zahru al-Islam*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-^cArabi.

Ahmad Hassan Bassaj (1414H/1994). *Ibn ^cAbdi Rabbah: Milh al-Andalus*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.

Ahmad Muhammad ^cAliyyan (1411H/1991). *Abu al-^cItahiyyah: Hayatuhu wa Aghraduhu al-Shi^criyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.

Ahmad Syalabi (1970). *Al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyyah*. Jil.3. Ed. ke-4. Qaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah.

Al-Aghani, Sulaiman (1960). *Al-Adab al-^cAsru al-^cArabi fi al-^cAsru al-^cAbbasi al- Thani wa al-Andalusi*. t.tp: Matba^cah Hijazi.

Al-Ansari, Jalal al-Din ^cAbdullah bin Yusof Ibn Hisham (1418H/1997). *Audah al-Masalik Ila Alfiyyah Ibn Malik*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.

Al-Asfahani, Abu al-Farraj (1956). *Al-Aghani*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.

Al-Baghdadi, Al-Khatib (1349H/1931). *Tarikh Baghdad*. Qaherah: t.pt.

Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husin (1970). *Manaqib al-Shafi^ci wa Ma^crifat al-Sunan wa al-Athar*. Tahkik Ahmad Saqar. Mesir: Dar al-Turath.

Al-Dhabbi, al-Mufaddhal bin Ya'la bin Salim (1942). *Al-Mufaddaliyyat*. Al-Syeikh Ahmad Syakir. Mesir: Dar al-Ma^carif.

Al-Fakhuri, Hanna (1411H/1991). *Al-Mujiz fi al-Adab al-^cArabi wa Tarikhihi*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Jil.

Al-Hamawi, Yaqut (1936). *Mu^cjam al-'Udaba'*. Qaherah: t.pt.

Al-Hamawi, Yaqut (1991). *Mu^cjam al-Udaba'*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.

Ali Abdul Wahid Wafi. t.th. *Al-Adab al-Yunani al-Qadim*. Qaherah: Dar al-Ma^carif.

Ali Ibn al-Jahmi. t.th. *Muqaddimah Diwan ^cAli Ibn al-Jahmi.* t.tp.: t.pt.

Al-Jahiz. Abu Uthman ^cAmru bin Bahr. 1938H. *Al-Hayawan*. Tahkik ^cAbd al-Salam Harun. Qaherah: t.pt.

Al-Jawari, Ahmad ^cAbd al-Sattar. .th. *Al-Shi^cr fi Baghdad fi al-Qarni al-Thalith Hijri.*

Al-Maqdisi, Anis. 1946. *Umara' al-Shi^cr al-^cArabi Fi al-^cAsri al-^cAbbasi*. Ed. ke-3. t.tp.: t.pt.

Al-Mas^cudi (1982). *Muruj al-Dhahab*. Muhammad Mahyuddin ^cAbdul Hamid Qaherah: Dar al-Tahrir.

Al-Qairawani, Abu ^cAli al-Hasan bin Rasyiq. 1325H/1907. *Al-^cUmdah Fi Sina^cah al-Shi^cr wa Naqdihi*. Mesir: Mathba^cah al-Sa^cadah.

Al-Qasim, Isma^cil (1914). *Al-Diwan, al-Anwar al-Zahiyah*.

Al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin Umara (1279H). *Manaqib al-Imam al-Shafi^ci*. Qaherah: Dar al-Hijriyyah.

Al-Shicr Al-Taclimi: Penyumbang Kepada Perkembangan Ilmu Pada Zaman Abbasi: Kajian Ringkas Terhadap Beberapa Tokoh Bahasa Di Zamannya

24

Al-Salma, ᶜAbdullah bin ᶜUqail (2007). Buhuth ᶜIlmiyyah li Taᶜlim al-Quran wa al-Sunnah. *Al-Mutun wa al-Shuruh wa al-Hawashi wa al-Taqrirat fi al-Ta'lif al-Nahu*. Qaherah: Dar al-Buhuth Li al-Dirasat al-Islamiyyah Wa Ihya' al-Turath.

Al-Sayuti, ᶜAbdul Rahman Jalaluddin (1958). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Tahkik Muhammad Yusof. Qaherah: t.pt.

Al-Shikᶜah, Mustaffa (1972). *Rehlah al-Shiᶜr Min al-Umawiyyah Ila al-ᶜAbbasiyyah*. Beirut: Dar li al-Malayin.

Al-Shikᶜah, Mustaffa (1974). *Al-Adab Fi Mawaqib al-Hadarah al-Islamiyyah*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.

Al-Shikᶜah, Mustaffa (1974). *Al-Shiᶜr wa al-Shuᶜara' Fi ᶜAsru al-ᶜAbbasiyyah*. Beirut: Dar li al-Malayin.

Al-Sifdi, Solah (1953). *Al-Wafi wa al-Wafayat*. Dimashq: Mathbaᶜah al-Hashimiyyah.

Al-Sobah, Muhammad ᶜAli (1411H/1990). *Al-ᶜAbbas bin al-Ahnaf: Shaᶜir al-Hub wa al-Ghazal*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Al-Suli (1986). *Al-Awraq*. Qaherah: t.pt.

Al-Tunji, Muhammad (1413H/1993). *Al-Muᶜjam al-Mufassal fi al-Adab*. Jld. 2 Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Al-Tunji, Muhammad (1414H/1993). *Al-Muᶜjam al-Mufassal Fi ᶜUlum al-Lughah*. Jld. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Al-Zarkali, Khairuddin bin Mahmud bin Muhammad (1980). *Al-Aᶜlam.* Beirut: Dar al-ᶜIlmi li al-Malayin.

Al-Zuᶜbi, Muhammad ᶜAfif (1971). *Diwan Al-Imam Al-Shafiᶜi*. Beirut: Dar Al-Jil.

Badr al-Din Qadhi Syahbah (1974). *Tabaqat al-Nuhat wa al-Lughawiyyin*. Muhsin Hayyah. Iraq: Dar al-Nuᶜman.

Belo, Saleh Adam (2013). *Haula Al-Syeir al-Ta'limi*.Al-Jamiah Al-Islamiyyah.

Gaibie, Muhammad Saleem (2009). *Sharah al-Muqaddimah al-Jazariyyah*. Ed. ke-1. South Africa: Madbut Writters & Translators.

Hassan Muhammad Nur al-Din (1411H/1990). *ᶜAli bin al-Jahmi: Hayatuhu wa Aghraduhu al-Shiᶜriyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Ibn ᶜAqil, Baha' al-Din ᶜAbdullah. (1414H/1995). *Sharah Ibn ᶜAqil*. Beirut: Al-Maktabah al-ᶜAsriyyah.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz (1415H/1994). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. 14 jil. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Ibn Manzur (689H). *Lisan al-ᶜArab*. Jil.17. Beirut: Dar Sodir.

Ibn Muqaffaᶜ, ᶜAbdullah. t.th. *Kalilah wa Dimnah*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.

Ibn Nadim (1877). *Al-Fahrasat*. Mesir: Mathbaᶜah al-Rahmaniyyah.

Imil Badiᶜ Yaᶜcob (1411H/1991). *Al-Muᶜjam al-Mufassal fi ᶜIlmi ᶜArud wa al-Qafiah wa Funun al-Shiᶜr.* Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Jaᶜfar Khuraiban (1411H/1990). *Abu Nuwwas al-Hasan bin Hani'*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Mahmud Ismaᶜil Sini (1996). *Muᶜjam al-Amthilah al-ᶜArabiyyah*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Majdi Wahbah (1984). *Muᶜjam al-Mustalahat al-ᶜArabiyyah Fi al-Lughat wa al-Adab*. Ed. ke-2. Beirut: Maktabah al-Lubnan.

Muhammad Mutaffa Hadharat (1965). *Ittijahat al-Shiᶜr al-ᶜArabi fi al-Qarni al-Thani al-Hijri*. Qaherah: Dar al-Maᶜarif.

Muhammad Redha Murawwah (1411H/1990). *Abu Tammam: ᶜAsruhu-Hayatuhu-Shiᶜruhu*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Mujahid Mustafa Bahjad (1420H/1999). *Diwan al-Shafiᶜi*. Dimashq: Dar al-Qalam.

Najib Mahmud ᶜAbdul Karim (1422H). *Al-Manzumat al-Nahwiyyah wa Shuruhuha*. Dimashq: Dar al-Farabi.

Othman Khalid (1406H/1986). *Kesusasteraan Arab di zaman Abbasiah, Andalus dan zaman Moden*. t.tp.: Darul Nadwah Muadzam Shah.

Phillip Hitty (1952). *Tarikh al-ᶜArab*. Beirut: Dar Ghandur.

Qudamah bin Jaᶜfar (327H). *Naqdu al-Shiᶜr*. Beirut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.

Shauqi Dhaif (1965). *Al-Fan wa Madhahibuhu fi al-Nasr al-ᶜArabi*. Ed. ke-8. Qaherah: Dar al-Maᶜarif.

Shauqi Dhaif (1966). *Tarikh al-Adab al-ᶜArabi: Al-ᶜAsru al-ᶜAbbasi al-Awwal*. Ed. ke-8. Qaherah: Dar al-Maᶜarif.

Shauqi Dhaif (1971). *Fusul fi al-Shiᶜr wa Naqdihi*. Ed. ke-3. Qaherah: Dar al-Maᶜarif.

Shauqi Dhaif (1973). *Tarikh al-Adab al-ᶜArabi: Al-ᶜAsru al-ᶜAbbasi al-Thani*. Ed. ke-11. Qaherah: Dar al-Maᶜarif.

Shauqi Dhaif (1974). *Al-Tatawwur wa al-Tajdid fi al-Shiᶜr al-Umawi*. Qaherah: Dar al-Maᶜarif.

Shauqi Dhaif (1987). *Fi al-Turath wa al-Shiᶜr wa al-Lughah*. Qaherah: Dar al-Maᶜarif.

Taha Hassan (1991). *Muᶜjam al-ᶜArabi*. Tunis: Nahj Iran.

Taha Hussien (1971). *Min Tarikh al-Adab al-ᶜArabi*. Jil. 2. Beirut: Dar al-ᶜIlmi li al-Malayin.

Taha Hussien. *Hadith al-Arbiaᶜ*. Beirut: Dar al-ᶜIlmi li al-Malayin.

Taha Hussien. *Min Hadith al-Shiᶜr wa al-Nasr*. Beirut: Dar al-ᶜIlmi li al-Malayin.

Yusof Bakkar (1990). *Fi al-ᶜArud wa al-Qafiah*. Ed. ke-2. Beirut: Dar al-Manahil.

ANALISIS PENGGUNAAN *ISTI'ARAH*; KAJIAN TERHADAP BEBERAPA HADITH AMTHAL RASULULLAH S.A.W.

Mohamad bin Hussin[1]
Mohd Sukki bin Othman[2]
Nik Farhan binti Mustapha[3]
Muhd Zulkifli bin Ismail[4]
Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor

[1] abunuha3@yahoo.com.my
[2] msukki@upm.edu.my
[3] farhan@upm.edu.my
[4] zulismail@upm.edu.my

ABSTRAK

Isti'arah merupakan salah satu gaya bayan yang indah. Melaluinya penutur mampu menampilkan makna dalam bentuk yang boleh nampak untuk mendekatkan pemahaman pendengar terhadap sesuatu idea yang ingin diketengahkan. Rasulullah S.A.W. sebagai orang Arab yang paling tinggi kepetahannya menggunakan pendekatan ini untuk menyampaikan sesuatu makna dengan cara yang paling berkesan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti unsur *isti'arah* di dalam amthal Rasulullah S.A.W. serta gambaran yang dibina oleh baginda untuk menyampaikan sesuatu idea. Kajian juga bertujuan untuk melihat pengaruh makna nahu dalam binaan amthal Rasulullah S.A.W.. Bahan kajian merupakan beberapa amthal pilihan yang terdapat di dalam kitab himpunan amthal serta diriwayatkan di dalam *Sahih al-Bukhariy* dan *Sahih Muslim.* Dapatan kajian menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W. membina perlambangan yang objek untuk menyampaikan sesuatu idea yang abstrak. Hal ini kerana, bayan Rasulullah S.A.W. berfungsi untuk memperjelaskan makna dalam bentuk yang boleh nampak bagi menjelaskan perkara yang kesamaran, mendekatkan perkara yang jauh serta menampakkan perkara yang abstrak. Dapatan kajian juga menunjukkan baginda menggunakan berbagai pendekatan untuk membina gambaran makna yang dikehendaki seperti pengguguran komponen ayat, gaya nafi, *fi'il mabniy li majhul* serta elemen persekitaran sosiobudaya Arab seperti musim bunga, lubang dan patukan ular serta dapur pemanggang roti.

Kata kunci: bayan, *isti'arah*, makna nahu, amthal Rasulullah S.A.W.

AN ANALYSIS OF THE USE OF ISTI'ARAH; A STUDY ON THE AMTHAL OF THE PROPHET MUHAMMAD

Abstract

Isti'arah is a beautiful yet graceful style of descriptions or explanations. In using isti'arah, a speaker is able to convey his message or ideas illustratively making it easier for the listener to comprehend. Prophet Muhammad S.A.W. is the most proficient Arab who had used this style in conveying messages most effectively. The purpose of this study is to observe the elements of isti'arah used in the form of amthal (idiomatic expressions) and illustrations by Rasulullah S.A.W. when he presented his messages and ideas. Items studied involved a few amthals chosen from the Amthal Book of Collection which are narrated by Sahih al-Bukhariy and Sahih Muslim. The findings of this study show that Rasulullah's isti'arah were used to explain questions on either mahsus (object) or ma'qul (subject), both using symbolically another mahsus (object). This manner of explanation by Rasulullah S.A.W. gives an illustrative view of the meanings and explains clearly those that are vague, drawing near those that seem far and make vivid those that are abstract. The findings also found that the Prophet S.A.W. had used different approaches to disseminate the intended ideas such as omission of components, and use of negation, passive voice, and local sociocultural elements of the spring, hole, snake bite ang bread stove.

Keywords: *bayan, isti'arah, the meaning of grammer, amthal (idiomatic expressions) by Rasulullah S.A.W.*

Pengenalan

Menyampaikan isu-isu keimanan, menjelaskan syariat Tuhan dan hukum-hakam merupakan tanggungjawab yang besar dan berat yang memerlukan penguasaan bayan yang tinggi. Oleh hal yang demikian, orang yang bertanggungjawab menyampaikan seruan berkenaan mestilah merupakan seorang yang paling tinggi tahap bayannya. Menurut al-Bayyumiy (1987) ketinggian bayan Rasulullah S.A.W. tidak boleh dipertikaikan lagi kerana terbukti keberkesanannya menyebabkan ia mampu menggongcang kepercayaan yang berakar umbi dalam masyarakat, malah melenyapkannya terus. Sebaliknya baginda mampu membina kepercayaan baru yang sempurna dan mantap.

Salah satu gaya bayan yang mendominasi penyampaian baginda S.A.W. ialah *isti'arah.* Rasulullah S.A.W. menggunakan pendekatan ini kerana *isti'arah* berperanan memberikan makna yang banyak dengan lafaz yang sedikit sepertimana yang diumpamakan oleh al-Jurjaniy (1999) bagaikan keluar daripada satu tiram berbagai-bagai permata dan bercambah daripada satu dahan buah yang banyak. Di antara keistimewaannya juga ialah memberikan personifikasi terhadap perkara yang abstrak, menjadikan benda yang abstrak seakan hidup, bergerak dan berkata-kata serta menggambarkannya dengan cara yang berseni dan menarik. Keistimewaan ini disentuh oleh al-Jurjaniy (1999, p. 40) melalui kata-katanya: "melalui *isti'arah* kamu

akan lihat benda yang tidak bernyawa bagaikan hidup bertutur, orang *'ajam* menjadi fasih, tubuh yang kaku mampu menjelaskan maksud dan makna yang tersembunyi menjadi terang jelas. Kamu mampu mengungkap makna-makna yang halus yang bersarang di dalam fikiran menjadikan ia bagaikan berjisim sehingga boleh dilihat oleh mata".

Dalam mengketengahkan idea mengenai *nazm* sebagai dasar dalam memahami makna sebuah ucapan, al-Jurjaniy mengaitkannya dengan peranan makna nahu. Menurut al-Jurjaniy (1994, p. 361-362) *nazm* sesuatu ayat adalah berpusatkan makna nahu, *"nazm ialah mengaitkan makna nahu dalam makna percakapan"*. Justeru, dalam menginterpretasi makna sesuatu ujaran, peranan makna nahu tidak boleh dikesampingkan.

Menurut 'Abd al-Qadir Husayn (2001) al-Jurjaniy tidak melihat kepada nahu dengan maksud yang difahami iaitu yang ada kaitan dengan betul atau salah dalam ayat atau perubahan *i'rab* pada akhir kata. Akan tetapi yang dimaksudkan beliau dengan makna nahu melangkaui sempadan pemahaman tersebut yang melibatkan aspek keindahan. Hal ini kerana sesuatu makna boleh disampaikan dengan gaya yang berbeza-beza seperti *hadhf, dhikr, taqdim, takhir, mubtada', khabar* dan sebagainya. Setiap gaya pula berbeza-beza di antara yang bermutu atau sebaliknya. Melihat kepada aspek perbezaan berkenaan, mengetahui gaya yang sepatutnya digunakan, mendatangkan gaya yang bertepatan dengan makna yang ingin disampaikan itulah yang dimaksudkan oleh beliau sebagai makna nahu.

Di dalam artikel ini, pengkaji berusaha untuk mengesan unsur *isti'arah* di dalam amthal Rasulullah S.A.W. serta peranan makna nahu dalam *nazm* amthal berkenaan. Melalui kajian ini pengkaji berusaha melihat sejauh mana keberkesanan pendekatan yang dipilih dalam menyampaikan tema yang diinginkan.

Definisi *Isti'arah*

Isti'arah merupakan *tashbih baligh* yang digugurkan salah satu daripada dua tonggak asas *tashbih* iaitu *mushabbah* atau *mushabbah bih*. Penjelasan mengenainya boleh dijelaskan melalui contoh berikut:

Sabda Rasulullah S.A.W.:

1) الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً (Al-Bukhariy, 1999, hadith 8)
2) هَلْ يَكُبُّ النَّاسَ فِي النَّارِ عَلَى مَنَاخِرِهِمْ إِلا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ ؟ (Al-Tirmidhiy, 2015, hadith 2616)

Dalam contoh yang pertama, terdapat penggunaan perkataan secara *majaz* iaitu menyandarkan perkataan cabang kepada iman. Rasulullah S.A.W. mengumpamakan iman bagaikan sebatang pokok kerana adanya hubungan persamaan di antara keduanya iaitu kedua-duanya mempunyai cabang dan ranting yang banyak. Kemudian perkataan yang menunjukkan *mushabbah bih* (pokok) digugurkan dan diganti dengan perkataan "cabang" yang merujuk kepada *mushabbah bih* yang digugurkan berkenaan. *Qarinah* yang menghalang daripada dimaksudkan makna kata yang sebenar berbentuk situasi yang difahami melalui

konteks ucapan. Dalam contoh yang pertama ini *mushabbah bih* digugur dan digantikan dengan sesuatu yang menunjukkan *mushabbah bih* yang digugurkan itu.

Dalam contoh yang kedua Rasulullah S.A.W. mengumpamakan ucapan yang dituturkan oleh lidah bagaikan alat penuai (كَلَامُ الأَلْسُنِ كَحَصَائِدَ المَنَاجِلِ) (Ibn al-Athir, 1998). Dalam konteks ini Rasulullah S.A.W. telah menggunakan satu kata untuk menunjukkan satu makna kata yang lain kerana adanya hubungan persamaan di antara dua perkataan berkenaan. Penggunaan satu lafaz kata seperti *"alat penuai"* untuk menunjukkan makna ucapan yang dituturkan oleh lidah kerana adanya hubungan persamaan di antara keduanya iaitu kedua-duanya lazimnya akan mengambil apa sahaja yang berada di laluannya sama ada bermanfaat atau tidak, jika tidak dikawal dinamakan dalam perbahasan ilmu bayan sebagai *isti'arah*. Kemudian digugurkan *mushabbah bih* dan digantikan dengan lafaz "tuaian" yang menunjukkan *mushabbah bih* yang digugurkan berkenaan ('Abbas, 2009). *Qarinah* yang menghalang daripada dimaksudkan makna kata yang sebenar berbentuk perkataan iaitu menetapkan tuaian kepada lidah.

Kesimpulan daripada contoh di atas: *isti'arah* pada asalnya merupakan *tashbih baligh* yang digugurkan salah satu daripada dua tonggak *tashbih* iaitu *mushabbah* atau *mushabbah bih*. Adanya pengguguran satu tonggak *tashbih* inilah yang mendorong Ibn al-Athir menamakan *isti'arah* sebagai *tashbih mahdhuf* (Ibn al-Athir, 1998)

Melihat kepada pengguguran *mushabbah* atau *mushabbah bih* yang terjadi dalam sebuah *isti'arah* yang merupakan tonggak *tashbih,* maka *isti'arah* dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

1- *isti'arah tasrihiyyah*
2- *isti'arah makniyyah*

Isti'arah Tasrihiyyah dalam Amthal Rasulullah

Isti'arah tasrihiyyah ialah *isti'arah* yang dinyatakan di dalamnya *mushabbah bih*, manakala *mushabbah* digugurkan. Al-Sakkakiy (2000, p. 482) berkata ia berlaku apabila tonggak *tashbih* yang dinyatakan ialah *mushabbah bih.*

Contoh *isti'arah tasrihiyyah* di dalam amthal Rasulullah S.A.W. ialah:
1) Sabda Rasulullah S.A.W.:

<div align="center">الدِّينُ النَّصِيحَةُ</div>

<div align="center">(al-Bukhariy, 1999, hadith 42; Muslim, 1998, hadith 196; al-Maydaniy, 1992, amthal 1433)</div>

Amthal ini digunakan untuk menunjukkan makna galakkan memberi nasihat, menerima nasihat dan beramal dengan nasihat selagi mana tidak ke arah maksiat atau membawa kemudaratan (al-Mu'allimiy, 1994).

analisis isti'arah.

Di dalam amthal ini terdapat *isti'arah* pada perkataan النَّصِيحَةُ. Hal ini kerana asal perkataan ini diambil daripada kata akar النُّصْحُ yang bermaksud "menjahit" (al-

Asfahaniy, 1997, p. 808). Menurut al-Azhariy (2001) dikatakan نَصَحْتُ القميصَ apabila kamu menjahitnya. Manakala النَّصَاح adalah jahitan.

Perlakuan pemberi nasihat yang menasihati untuk memperbaiki keadaan orang yang dinasihatinya diumpamakan dengan perlakuan tukang jahit yang menjahit untuk memperbaiki kecatatan pada pakaian. Kemudian digugurkan *mushabbah bih* dan dikekalkan *mushabbah*. Berikutnya dipinjamkan kata النُّصْحُ dengan makna memperbaiki keadaan seseorang dan diderivasikan daripada perkataan itu perkataan النَّصِيحَةُ. Oleh kerana perkataan النَّصِيحَةُ adalah *ism mushtaq*, maka *isti'arah* ini dinamakan *isti'arah tasrihiyyah taba'iyyah.*

Sebahagian sarjana berpandangan perkataan ini di ambil daripada kata نصحتُ العَسَل (*aku membersihkan madu)* iaitu apabila disucikannya daripada campuran lemak. Al-Jawhariy (1999, p. 604) berkata: "apabila dikatakan العَسَل النَّاصِح maknanya ialah madu sebenar yang bersih daripada campuran". Diumpamakan perlakuan membersihkan percakapan daripada pendustaan dengan proses membersihkan madu daripada campuran bendasing. Kemudian digugurkan *mushabbah bih* dan dikekalkan *mushabbah*. Justeru, di sini juga terdapat *isti'arah tasrihiyyah taba'iyyah* (Muhammad Bilu, 1979)

Jami' bagi *isti'arah* ini ialah memperbaiki keadaan iaitu kedua-dua perlakuan *mushabbah* dan *mushabbah bih* menunjukkan makna memperbaiki keadaan. Manakala *qarinah* bagi *isti'arah* ini pula berbentuk perkataan iaitu perkataan الدّيْنُ di awal ayat.

analisis makna nahu.

Merujuk kepada maklumat perkamusan, perkataan النَّصِيحَة di dalam bahasa Arab mengandungi medan makna yang luas. Menurut Ibn al-Athir (1963) makna perkataan النَّصِيحَة hanya dapat dijelaskan dengan ayat iaitu inginkan kebaikan kepada sesuatu. Tidak mungkin untuk menjelaskan makna perkataan ini dengan satu perkataan yang menghimpunkan makna yang dikandungnya dengan menggunakan perkataan lain. Asal makna perkataan ini ialah ikhlas.

Al-Azhariy (2001) dan Ibn Manzur (1994) menyatakan maknanya ialah ikhlas dan benar. Al-Zubaydiy (2004) pula menyenaraikan sejumlah penggunaan perkataan ini. Di antaranya ialah digunakan untuk menunjukkan makna:

- Membersihkan madu
- Menjahit pakaian
- Lawan kepada tipu
- Ikhlas dan benar seperti *al-tawbat al-nasuh* iaitu taubat yang sebenar
- Menghendakkan kebaikan kepada orang lain
- Memberi tunjuk ajar kepada orang ke arah kebaikan.

Seterusnya beliau mengulas dengan berkata: perkataan ini adalah satu perkataan yang menghimpunkan makna menginginkan kebaikan.

Berdasarkan pernyataan al-Zubaydiy ini, perkataan ini boleh digunakan untuk menunjukkan perlakuan yang mendatangkan kesan yang baik kepada sesuatu. Seorang penjahit yang menjahit koyakan pada baju digunakan نَصَحَ القَمِيْص, seorang

yang menapis madu untuk menyaringnya daripada campuran dikatakan نَصَحَ الْعَسَلَ, taubat yang sebenar dinamakan تَوْبَةٌ نَصُوْح dan perlakukan memberi peringatan untuk membawa seseorang ke arah yang baik dikatakan النَّصِيحَة.

Manakala 'Aliy al-Jurjaniy (1998) pula lebih mengkhususkan petunjuk makna perkataan ini kepada perlakuan memberi nasihat dengan perkataan. Beliau berkata: "النَّصِيحَة ialah menyeru kepada perkara yang mendatangkan kebaikan dan menegah daripada perkara yang membawa kerosakan" ('Aliy al-Jurjaniy, 1998, p. 251). Farhat (2000) memasukkan makna ikhlas, peringatan dan doa dalam memerikan makna perkataan النَّصِيحَة.

Berdasarkan perbincangan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa perkataan ini mempunyai medan makna yang sangat luas yang mana semuanya merujuk kepada perlakuan membuat sesuatu dengan tujuan mendatangkan kebaikan kepada sesuatu. Pemilihan perkataan seumpama ini di dalam amthal baginda S.A.W. tentulah akan menyumbang kepada medan makna tertentu yang luas kepada amthal baginda S.A.W.. Inilah keistimewaan "*jawami ' kalim*" baginda S.A.W..

Ibn al-Athir (1963, p. 63) dalam mengintrepetasikan maksud nasihat dalam hadith ini menjelaskan seperti berikut:

Makna "nasihat untuk Allah" ialah benar iktikad kepada keesaanNya dan ikhlas niat dalam beribadat kepadaNya. "Nasihat untuk Al-Quran" ialah membenarkannya dan beramal dengan kandungannya. "Nasihat untuk RasulNya" ialah membenarkan kenabian dan kerasulannya serta patuh kepada perintah dan larangannya. "Nasihat untuk pemimpin Islam" ialah taat kepada mereka dalam kebenaran dan tidak memberontak ke atas mereka. "Nasihat untuk masyarakat Islam" ialah memberi tunjuk ajar untuk kepentingan mereka.

Semua makna yang dikemukakan oleh Ibn al-Athir ini menunjukkan kepada makna leksikal yang terkandung di dalam makna inti perkataan النَّصِيحَة iaitu ikhlas, benar dan juga memberi peringatan.

Justeru, maksud nasihat dalam amthal ini merangkumi medan makna yang lebih luas iaitu melibatkan makna ikhlas, benar dalam perkataan dan tindakan serta memberi peringatan. Semua makna ini pula berada di bawah maknanya yang besar iaitu inginkan kebaikan.

Di dalam amthal ini juga terdapat pendepanan partikel *alif lam* pada kedua-dua rukun ayat iaitu *mubtada'* dan *khabar*. Menurut al-Jurjaniy (1994, p. 180) binaan kata yang terdapat pendepanan partikel *alif lam* pada kedua-dua rukun ayat (*mubtada'* dan *khabar*) membawa maksud *al-qasr* (pengkhususan makna). Apabila Rasulullah S.A.W. bersabda: الدِّيْنُ النَّصِيحَة (*agama itu adalah nasihat*) dengan mendepankan partikel ini pada *mubtada'* dan *khabar,* ini menunjukkan pengkhususan makna iaitu mengkhususkan *mawsuf* (الدِّيْنُ) dengan sifat (النَّصِيحَة) (al-'Ayniy, 2005; al-Maydaniy, 1995).

Isti'arah Makniyyah dalam Amthal Rasulullah S.A.W.

Al-Sakkakiy (2002) berkata yang dimaksudkan dengan *isti'arah makniyyah* ialah apabila tonggak *tashbih* yang dinyatakan adalah *mushabbah.* Manakala *mushabbah bih* tidak dinyatakan.

Di antara contoh amthal Rasulullah S.A.W. yang didatangkan dalam bentuk ini ialah:

1) Sabda Rasulullah S.A.W.:

<div dir="rtl">إِنَّ مِمَّا يُنْبِتُ الرَّبِيْعُ مَا يَقْتُلُ حَبَطًا أَوْ يُلِمُّ</div>

(al-Bukhariy, 1999, hadith 6427; Muslim, 1998, hadith 2419; al-Maydaniy, 1992, amthal 3; al-'Askariy, 1988, amthal 2; al-Ramahurmuziy, 1983, amthal 17; Abu 'Ubayd, 1980, amthal 4)

Amthal ini digunakan untuk menunjukkan makna larangan bersikap melampau dalam sesuatu (al-Maydaniy, 1992)

analisis isti'arah.

Di dalam amthal ini terdapat *isti'arah.* Hal ini kerana perlakuan menumbuhkan rumput rampai disandarkan kepada anak sungai, sedangkan realitinya yang menumbuhkannya adalah Allah S.W.T., bukannya perlakuan makhluk lain. Akan tetapi, oleh kerana air dan anak sungai merupakan sebab tumbuhnya tumbuhan berkenaan, perlakuan itu disandarkan kepadanya secara *majaz* dan perluasan makna.

Perlakuan anak sungai yang menumbuhkan tumbuhan diumpamakan dengan perlakuan Allah S.W.T. dengan *jami'* menumbuhkan rumput rampai yang berlaku pada keduanya. Seterusnya *mushabbah* dikekalkan manakala *mushabbah bih* digugurkan dan diisyaratkan dengan sesuatu yang menjadi kelaziman *mushabbah bih* iaitu menumbuhkan rumput rampai. Justeru, terdapat *isti'arah makniyyah* di dalam amthal ini. Manakala *qarinah* yang menghalang daripada makna yang asal bagi *isti'arah* ini pula berbentuk perkataan iaitu menetapkan kelaziman *mushabbah bih* (menumbuhkan rumput rampai) kepada *mushabbah* (anak sungai).

analisis makna nahu.

Di dalam amthal ini terdapat penggunaan perkataan dan partikel tertentu yang mana rujukan penuhnya perlu dirujuk kepada konteks penggunaannya dalam sosiolinguistik Arab. Terdapat penggunaan perkataan يُلِمُّ ,حَبَطًا, الرَّبِيْعُ dan juga partikel *tawkid* إِنَّ serta huruf jarr مِمَّا yang menunjukkan makna banyak pada permulaan ayat yang dipersembahkan dengan menggunakan pendekatan bayan *isti'arah makniyyah*. Manakala *maf'ul bih* kepada *fi'il* يَقْتُلُ digugurkan. Inilah *nazm* ini yang melatari amthal ini.

Menurut al-Ramahurmuziy (1983) perkataan الرَّبِيْعُ digunakan untuk menunjukkan tiga maksud iaitu musim bunga yang merupakan salah satu daripada kitaran musim dalam setahun, dengan makna hujan dan dengan makna orang pemurah yang melakukan banyak kebaikan. Ibn Qutaibah dalam al-Ramahurmuziy (1983, p. 64) berkata: "orang Arab menamakan musim bunga dengan nama الرَّبِيْعُ kerana hujan akan turun di masa ini. Ia juga dinamakan musim bunga kerana pokok buah-buahan mulai berbunga ketika ini". Ibn Hajar (1989) memindahkan maksud keempat bagi perkataan ini iaitu anak sungai.

Kesimpulannya, makna-makna yang digunakan untuk perkataan ini mempunyai kaitan secara langsung dengan tempoh masa tertentu dalam setahun yang mana hujan banyak turun ketika itu, anak-anak sungai mula terbentuk dan pokok-pokok mula hidup subur. Manakala penggunaannya dengan makna orang yang pemurah adalah merupakan penggunaan secara *majaz* dengan diumpamakan sikap orang pemurah yang banyak melakukan kebaikan bagaikan hujan yang turun lalu menghijau dan menghidupkan bumi. Menurut al-Maydaniy (1992) kedatangan الرَّبِيْعُ akan menumbuhkan rumput rampai liar. Haiwan ternakan akan memakannya dengan banyak sehingga kembung perutnya sekiranya melebihi had. Dengan demikian perutnya akan pecah dan haiwan berkenaan akan mati.

Terdapat juga penggunaan perkataan حَبَطًا secara *tamyiz* yang di ambil daripada perkataan الحَبَط. Asal makna perkataan ini ialah keadaan perut binatang yang menjadi kembung kerana banyak makan atau kerana sakit (al-Ramahurmuziy, 1983; Ibn Hajar, 1989). Dalam penggunaan bahasa dikatakan: حَبَطَتِ الدَّابَةُ حَبَطًا apabila binatang ternakan menjumpai rumput rampai, lalu ia makan dengan banyak sehingga perut menjadi kembung dan mati. Manakala perkataan يُلِمُّ pula membawa maksud hampir musnah (Ibn Hajar, 1989).

Amthal ini didahulukan dengan partikel *tawkid* أَنَّ sebagai pengukuh ayat, kemudian diikuti dengan partikel مِمَّا yang berfungsi menunjukkan makna banyak bukannya menunjukkan makna sebahagian sesuatu. Hal ini bertepatan dengan riwayat yang lain yang datang dengan lafaz إِنَّ كُلَّ مَا أَنْبَتَ ... (*sesungguhnya semua yang ditumbuhkan …*) (Ibn Hajar, 1989).

Terdapat juga pengguguran *maf'ul bih* dalam amthal ini. Pengguguran *maf'ul bih* sepertimana yang ditegaskan oleh al-Jurjaniy (1994) bertujuan untuk mengketengahkan sesuatu perlakuan kepada pelaku atau menafikannya daripadanya secara mutlak tanpa menentukan siapa yang terkena perlakuan berkenaan. Justeru, dalam konteks amthal ini perkara yang ingin diketengahkan ialah rumput rampai yang tumbuh di musim bunga itu boleh membunuh atau menyebabkan sakit sekiranya diambil secara berlebihan, tanpa mengkhususkan siapa yang terkena perlakuan bunuh atau sakit berkenaan.

Inilah gambaran yang dibina oleh Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikan makna larangan bersikap melampau dalam sesuatu perkara. Gambaran yang digunakan dengan menggunakan elemen persekitaran budaya masyarakat, mendekatkan makna yang diinginkan kepada pemahaman masyarakat sasaran.

2) Rasulullah S.A.W. bersabda:

<div dir="rtl">حُجِبَتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ ، وَحُجِبَتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ</div>

(al-Bukhariy, 1999, hadith 6487; Muslim, 1998, hadith 7130; al-Tha'alubiy, 1983, p. 25)

Amthal ini digunakan untuk menjelaskan bahawa sesuatu yang diingini manusia sentiasa dihalangi dengan kepayahan dan kesukaran. Menunaikan ibadat dihalangi dengan kesukaran mengambil wuduk atau mandi, zakat perlu mengeluarkan harta, puasa terpaksa meninggalkan makan minum, haji terpaksa menanggung kesukaran menempuh perjalanan jauh dan kepenatan. Begitu juga dengan urusan keduniaan

memerlukan seseorang menempuh kesukaran dan kepayahan. Justeru, manusia perlu berusaha untuk memperoleh apa yang diingini (al-Muʿallimiy, 1994).

analisis istiʿarah.

Di dalam amthal ini neraka dan juga syurga diumpamakan bagaikan bekas bertutup ataupun taman. Sepertimana bekas atau taman itu di kelilingi dengan pagar, begitulah juga neraka dipagari dengan perkara yang disukai oleh hawa nafsu, manakala syurga pula dipagari dengan sesuatu yang dibenci dan tida digemari. Seterusnya digugurkan *mushabbah bih* iaitu (bekas ataupun taman) dan digantikan dengan sesuatu yang menunjukkan kelaziman bagi *mushabbah bih* yang digugurkan iaitulah perkataan حُجِبَت (dipagari/dikelilingi/dilitupi). *Istiʿarah* dengan digugurkan *mushabbah bih* dan digantikan dengan sesuatu yang menunjukkan kelaziman bagi *mushabbah bih* dinamakan *istiʿarah makniyyah.*

Sementara kelaziman kepada *mushabbah bih* ialah sesuatu yang menutupi (lazim kepada bekas) atau pagar yang mengelilingi (lazim bagi taman). *Jamiʿ* bagi *istiʿarah* ini ialah perlindungan iaitu kedua-dua perlakuan *mushabbah* dan *mushabbah bih* menunjukkan makna melindungi sesuatu di dalamnya. Manakala *qarinah* bagi *istiʿarah* ini pula berbentuk perkataan iaitu menetapkan pagar atau halangan kepada neraka dan syurga*.*

analisis makna nahu.

Dalam menyampaikan makna sesuatu yang diingini manusia sentiasa dihalangi dengan kepayahan dan kesukaran, Rasulullah S.A.W. menggunakan beberapa perkataan yang dipersembahkan dalam dua ayat yang bertentangan makna. Terdapat penggunaan *fiʿil mabniy li majhul,* syurga dan neraka serta kata nama jamak المَكَارِه dan الشَّهَوَات yang disusun dalam satu *nazm* yang dipersembahkan dengan menggunakan pendekatan *istiʿarah makniyyah.*

Dalam amthal ini kata kerja حُجِبَت didatangkan dalam bentuk *fiʿil mabniy li majhul* tanpa menyebut pelakunya. Justeru, terdapat pengguguran pelaku di sini. Menurut ʿAbbas dalam Norazamudin Umar (2012) di antara fungsi pengguguran ialah memberi fokus kepada peristiwa, manakala pelaku dalam peristiwa berkenaan bukan menjadi tujuan. Apabila Allah S.W.T. berfirman:

فَإِذَا نُفِخَ فِى ٱلصُّورِ نَفْخَةٌ وَٰحِدَةٌ (13) وَحُمِلَتِ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَٰحِدَةً (14)

